

Jilid I
Bil. 83



Hari Isnin
7hb November, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

Kebenaran Cuti—Y.B. Tuan Kan Yau Fa [Ruangan 11729]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11729]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1984 [Ruangan 11760]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984 [Ruangan 11760]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim—Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K, J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S, K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.
(Ulu Nerus).

- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT; K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S, B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datoh).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 7hb November, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DIPERTUA

KEBENARAN CUTI—Y.B. TUAN
KAN YAU FA

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu kepada Dewan ini bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Kan Yau Fa, Ahli Dewan Rakyat bagi Kawasan Tawau sepanjang tempoh Mesyuarat Belanjawan 1984.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

INTERNATIONAL
REVOLUTIONARY STUDENTS'
COUNCIL

1. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sedar bahawa terdapat sekumpulan pelajar-pelajar kita di seberang laut telah membentuk

satu perjuangan melalui "International Revolutionary Student Council" yang terang-terang berjuang menentang Dasar Kerajaan kita:

- (a) sejauh manakah penyiasatan telah dijalankan terhadap perjuangan mereka itu dan apakah target perjuangan mereka?;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi membentasi pergerakan mereka ini supaya tidak menular dan mempengaruhi pelajar-pelajar kita yang lain?; dan
- (c) adakah Kementerian ini memikirkan bahawa perjuangan mereka ini ada hubungan dan mendapat galakan dari sebuah parti politik di negara ini yang menggunakan Islam sebagai landasan perjuangannya?

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr. Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, setahu kami di Kementerian Pelajaran tidak ada satu badan di luar negeri yang bernama International Revolutionary Students Council, baik di kalangan pelajar-pelajar kita mahupun pelajar-pelajar dari negara-negara lain.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Andrew Janggi Muiyang.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Andrew Janggi Muiyang tidak hadir)

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Newman Gaban.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga.

Tuan Yang Dipertua: Nanti dahulu! Yang Berhormat Tuan Newman Gaban.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Dengan izin, Tuan Yang Dipertua, soalan yang ketiga.

Tuan Yang Dipertua: Kena tunggu sehingga habis, baru patah balik.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Ya.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Newman Gaban tidak hadir).

UBAT DIBEKALKAN DI HOSPITAL-HOSPITAL

4. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar terdapat beberapa kes di mana ubat-ubat penting didapati kurang dibekalkan di hospital-hospital di negeri ini oleh kerana kempen jimat-cermat dan adakah beliau akan ambil tindakan supaya menentukan bekalan yang cukup kerana pesakit-pesakit kebanyakannya terdiri daripada orang miskin dan tidak mampu membeli sendiri ubat-ubat yang mahal ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang Dipertua, pada amnya, ubat-ubat penting yang biasa digunakan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan adalah mencukupi. Tetapi dari bidang ubat-ubatan yang luas yang mengandungi 750 jenis yang didapati di hospital-hospital mungkin terdapat sesuatu ubat tertentu yang kurang bekalannya dari masa ke semasa disebabkan oleh masalah-masalah logistik bekalan yang kadang-kadang tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang Dipertua, dalam keadaan seperti ini, biasanya hospital-hospital yang berkenaan dapat menggunakan satu ubat alternatif yang berkesan, ataupun membelinya di pasaran tempatan jika diperlukan untuk menyelamatkan nyawa.

Tuan Yang Dipertua, ubatan-ubatan yang diwajibkan dalam rawatan sejenis penyakit seharusnya dibekalkan oleh hospital-hospital.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan Kerajaan sedang menghadapi masalah yang sebegini rupa dan juga Kerajaan kita banyak mengambil ataupun membeli ubatan-ubatan daripada luar negeri, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu kilang untuk memproses ataupun mengeluarkan ubat-ubat sendiri yang dibuat dalam negeri ini.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, suka saya memberitahu Yang Berhormat yang berkenaan, pada masa sekarang Makmal Ubat dan Setor di Petaling Jaya telah pun menjalankan usaha untuk mengeluarkan ubat-ubat yang digunakan di negara ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat ramai pesakit-pesakit dari golongan berpendapatan rendah atau miskin yang pergi ke hospital untuk mendapat rawatan masih mengadu tentang pembayaran yang hendak ditanggung oleh mereka. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kerajaan bercadang untuk menghapuskan pembayaran yang hendak ditanggung oleh mereka di Kelas Tiga di hospital-hospital.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, bagi pesakit-pesakit yang amat miskin mereka boleh dapat sokongan daripada Wakil Rakyat ataupun orang kenamaan dan Kementerian saya biasanya memberi rawatan yang percuma.

Tentang sama ada Kementerian saya bercadang menghapuskan bayaran, jawapan saya tidak.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan bahawa ada 750 jenis ubat-ubat yang digunakan di rumah-rumah sakit dalam Malaysia sekarang. Saya ingin tahu berapa jeniskah ubat-ubat ini yang telah diproses ataupun yang telah dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan sama ada kepunyaan Kementerian sendiri ataupun tidak kerana ada pil-pil yang bertanda KK bererti Kementerian Kesihatan.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, bagi 750 jenis ubat-ubatan yang digunakan di hospital-hospital di negara ini sebanyak 600 jenis disimpan sebagai stok di Setor Pusat di Petaling Jaya dan 150 lagi kita beli dari pasaran tempatan.

Bagi ubat-ubatan yang dibuat di negara kita oleh makmal Kementerian Kesihatan di Petaling Jaya, ialah 166 jenis atau perkara yang boleh digunakan sebagai ubat-ubatan alternatif bagi banyak penyakit.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen adakah beliau sedar dalam proses menggantikan ubat-ubat pihak hospital adalah menggunakan jenis yang dinamakan generic drug, dengan izin. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan dalam proses menggunakan drug ataupun ubat genetic ini tidak membawa kesan yang buruk.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan taraf atau standard kesihatan di negara ini ialah boleh dianggap sebagai satu yang terlalu tinggi di region ini dan sebelum Kementerian saya menggunakan ubat-ubatan kita telah buat siasatan dengan teliti, yang terdalam.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan apakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa sehubungan dengan ubat-ubat penting ini bahawa kebanyakan terdapat sebilangan pesakit-pesakit utamanya yang di kawasan-kawasan sempadan di sebelah Kelantan, Perak, Kedah, Perlis ternyata sebilangan daripada mereka kurang yakin terhadap ubat-ubat yang dikeluarkan oleh hospital-hospital ataupun klinik-klinik Kerajaan kita. Mereka lebih suka membeli pil-pil dan ubat-ubat dari Golok, Haadyai dan sebagainya.

Yang kedua, apakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa terdapat di klinik-klinik swasta ternyata mereka membahagikan pil-pil dan ubat-ubat yang bertanda KK yang menunjukkan kepunyaan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yeoh Poh San: Untuk menjawab soalan yang pertama, Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya telah menjalankan program propaganda (publicity) untuk memberi nasihat kepada penduduk-penduduk khususnya di kawasan luar bandar untuk mendapati rawatan di pusat-pusat klinik dan juga Klinik Desa yang dijalankan oleh Kementerian saya.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, Kementerian saya tidak tahu tentang hal ini.

PEMAJU PERUMAHAN—ADUAN PEMBELI RUMAH

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan aduan yang diterima daripada orang ramai dan pembeli rumah pada tempoh 1-1-1983 hingga 31-9-1983 mengenai penyelewengan dalam perindustrian, terutamanya berhubung dengan urusan niaga dan syarat-syarat perjanjian, bilangan pemaju yang didakwa di Mahkamah dan dilapor ke Badan Pencegah Rasuah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang Dipertua, jumlah bilangan aduan yang diterima oleh Kementerian saya dalam tempoh 1-1-1983 hingga 31-9-1983 ialah sebanyak 997 aduan yang mana 142 daripadanya adalah aduan-aduan mengenai penyelewengan surat-surat perjanjian.

Bilangan pemaju-pemaju yang telah didakwa ialah 13 dan bilangan pemaju yang akan didakwa di Mahkamah adalah berjumlah 23.

Daripada kes-kes aduan yang telah diterima ini tiada kes yang dilaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah tetapi sebaliknya beberapa kes aduan telah dirujuk oleh Badan Pencegah Rasuah kepada Kementerian saya untuk tindakan yang selanjutnya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa amalan yang diikuti sekarang tentang rujukan kepada pihak Polis mengenai kes-kes penipuan yang dilakukan oleh pemaju palsu adalah suatu sistem yang tidak memuaskan memandangkan bahawa

ini akan membebankan pihak Polis dan saya hendak tahu sama ada Kementerian bercadang untuk mengadakan suatu unit perundangan khas di dalam Kementerian untuk mengendalikan semua kes-kes penipuan supaya tindakan yang lebih aktif dan berkesan dapat diambil.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang Dipertua, buat masa sekarang Kementerian Perumahan mempunyai suatu unit perundangan untuk membuat kajian atas kes-kes yang diterima pada amnya tetapi kita perlulah mengadakan kerjasama dari pihak Polis oleh kerana pihak Polis mempunyai kuasa untuk menjalankan siasatan dan juga mengambil tindakan yang sewajar atas kes-kes yang diterima.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin sedikit masa untuk menerangkan kedudukan sebelum saya mengemukakan soalan.

Tuan Yang Dipertua: Lazimnya macam itu tidak dibenarkan. Saya suka hendak membenarkan tetapi Peraturan Mesyuarat kata tidak boleh.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Jadi, soalnya apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap suatu pemaju yang telah lama menyiapkan suatu kawasan perumahan tetapi kawasan perumahan tersebut ataupun rumah-rumah yang dibina itu tidak mengikut pelan asal yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan ataupun lazimnya kita panggil sebagai Ahli Majlis Daerah. Kemudian pemaju ini apabila mendapati bahawa CFO terhadap rumah-rumah yang dibina itu tidak dapat dikeluarkan, mengemukakan suatu pelan pindaan di mana di dalam pelan pindaan itu ternyata jika sekiranya CFO dikeluarkan akan menyusahkan pembeli-pembeli.

Apa tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan dengan perkara ini.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang Dipertua, buat masa sekarang pihak Kerajaan Tempatan pada amnya tidak mengizinkan pemaju-pemaju membina rumah-rumah tanpa kelulusan ataupun planning approval sebelum rumah-rumah itu dibina.

Tindakan-tindakan adalah diambil atas mereka yang melanggar undang-undang yang sedia ada dan di antara tindakan-tindakan yang sedang diambil ialah merobohkan rumah dan juga memberi notis kepada pemaju kawasan perumahan itu untuk membina rumah-rumah di kawasan tersebut selepas pelan-pelan yang dikemukakan kepada Majlis Tempatan diluluskan.

BANK ISLAM—SUMBANGAN KEPADA EKONOMI NEGARA

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah petanda permulaan yang dapat dilihat dalam masa yang dekat ini tentang sumbangan penubuhan Bank Islam kepada perkembangan ekonomi Negara dan Umat.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, kemajuan dan perkembangan yang dapat dilihat dalam tempoh yang singkat sejak penubuhan Bank Islam pada 1-7-1983 adalah menggalakkan. Bank Islam menyediakan berbagai jenis perkhidmatan bank kepada pelanggan-pelanggannya berasaskan kepada prinsip dan hukum syariah. Seperti bank-bank lain Bank Islam juga memainkan peranannya dalam perkembangan ekonomi dengan mengadakan peluang-peluang pelaburan dan tabungan serta

menyediakan kemudahan kewangan bagi membiayai kegiatan ekonomi seperti pembiayaan projek, pembiayaan perdagangan dan pembiayaan perumahan.

Walau bagaimanapun perbezaan yang besar antara bank-bank biasa dengan Bank Islam ialah Bank Islam menjalankan perdagangannya mengikut hukum-hukum muamalat Islam yakni tanpa mengenakan faedah walhal bank-bank biasa ada mengenakan faedah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya sejak penubuhan Bank Islam ia telah menerima jumlah simpanan yang banyak serta telah mula memberi kemudahan-kemudahan kredit.

Simpanan yang diterima oleh Bank Islam seperti pada 30hb September, 1983 melalui simpanan akaun semasa, akaun Simpanan dan akaun pelaburan adalah berjumlah \$27.5 juta dan terdiri daripada 13,142 penyimpan. Dalam tempoh yang sama juga Bank tersebut telah meluluskan permohonan untuk pembiayaan asasi yang berjumlah \$30 juta, terutama bagi membiayai sektor-sektor perkhidmatan, pengangkutan, tanah dan lain-lain termasuk pembelian rumah kediaman.

Di samping itu permohonan untuk pembiayaan perdagangan yang berjumlah \$23 juta juga telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$2.5 juta telah pun dikeluarkan bagi membiayai sektor-sektor tersebut.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, kalaupun ada angkanya di sini, memberitahu jumlah yang menjadi pelanggan dengan Bank Islam di negara kita ini dan adakah pelanggan-pelanggan ini terdiri daripada satu kaum sahaja ataupun terdiri daripada berbagai-bagai kaum?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, kalau ditafsirkan pelanggan itu sebagai penyimpan di dalam Bank, jumlahnya ialah sebanyak 13,142 semuanya, ini mengikut akaun-akaun yang telah dibuka, malangnya saya tidak ada angka-angka yang terperinci bagi kaum manakah yang menjadi penyimpan-penyimpan ini. Walau bagaimanapun saya difahamkan Bank Islam ini sememangnya bukan terhad kepada orang-orang Islam sahaja. Orang-orang yang bukan beragama Islam juga boleh menyimpan dan berlanggan dengan Bank Islam.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, menyebutkan bahawa sambutan yang telah diberikan oleh pelanggan-pelanggan kepada Bank Islam ini sungguh menggalakkan. Tetapi kepada rakyat-rakyat luar bandar tidak berpeluang langsung untuk membuat simpanan ataupun tabungan dalam Bank Islam ini.

Adakah Kementerian ini sedang merancang langkah-langkah bagi membolehkan mereka-mereka yang berada di luar bandar untuk bersama-sama melabur ataupun membuat tabungan dalam Bank ini supaya bersama-sama dapat menikmati perkhidmatannya misalnya dengan Bank Bergerak ataupun lain-lain? Kalau adalah rancangan ini, bilakah agaknya, dan kalau tidak, mengapa jadi begitu?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya soal sama ada pelanggan ini datang dari luar bandar ataupun dalam bandar bukan merupakan soal yang penting bagi menyertai Bank Islam. Tetapi barangkali apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah oleh sebab Cawangan Bank Islam ini

hanya ada di Kuala Lumpur sahaja, maka agak sukarlah orang-orang di tempat lain hendak datang ke Kuala Lumpur untuk menggunakan kemudahan yang disediakan. Justeru itu Bank Islam memang bercadang untuk membuka Cawangan-cawangannya pada permulaannya di semua ibu-ibu negeri. Cawangan yang pertamanya akan ditubuhkan di luar dari Kuala Lumpur ialah di Kuala Terengganu tetapi masa dan waktu tidak dapat saya berikan kerana ini masih lagi dalam perancangan. Barangkali apabila sudah semua ibu negeri mempunyai Cawangan-cawangan, Bank Islam pula dibuka di bandar-bandar yang difikirkan penting dari segi perniagaan sebab Bank Islam juga merupakan satu bank perniagaan dan kalau itu sudah dilakukan, saya tidak tahulah tahun bila, barangkalilah barulah dibuka Bank-bank Bergerak seperti Bank-bank yang pernah menjalankan secara sistem itu.

Tetapi rasa saya, Tuan Yang Dipertua, barangkali saya sudah tidak lagi ada di Parlimen waktu itu agaknya, apabila dibuka Bank Bergerak Bank Islam ini (*Ketawa*).

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, sebagai yang kita maklum, Bank Islam menjalankan perniagaan dan membuat pelaburan-pelaburan. Dalam hal ini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu di dalam sistem-sistem yang digunakan oleh Bank Islam seperti murabah, muradabah dan sebagainya berapa banyakkah pelaburan-pelaburan yang telah dibuat oleh Bank itu di dalam sistem-sistem yang tersebut?

Soalan yang kedua apakah langkah Kementerian untuk menentukan pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh Bank ini adalah terkawal supaya apa yang berlaku seperti di Bumiputra Malaysia Finance tidak berulang semula?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, untuk menyenangkan kefahaman daripada 13,142 penyimpan tadi yang telah saya sebutkan; akaun semasa—ini cakup Melayunya—akaun semasa bilangan penyimpan 1,405 akaun, jumlahnya \$5.1 juta. Akaun simpanan 10,398 akaun ini berjumlah \$4.6 juta. Akaun pelaburan sebanyak 1,339 akaun berjumlah \$17.8 juta semuanya. Jadi akaun yang saya sudah sebutkan tadi jumlah simpanan semuanya \$27.5 juta.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat yang kedua supaya tidak berulang BMF, sukalah saya memaklumkan bahawa pertama sekali BMF itu BMF, Bank Islam itu Bank Islam. Barangkali ini ada perbezaan. Walau bagaimanapun dari segi Bank Islam sememangnya telitian sentiasa diambil supaya tidak ada, kalau boleh yang disebut penyelewengan, akan berlaku di dalam Bank ini.

Datuk Haji Saidin bin Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Tadi Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa jumlah pelanggan pada Bank Islam ini lebih daripada 13,000 orang. Mungkin ini secara individu atau perseorangan. Saya ingin tahu adakah badan-badan atau agensi Kerajaan seperti Jabatan-jabatan Agama Islam di tiap-tiap Negeri di Malaysia ini yang menabung ataupun menjadi pelanggan kepada Bank Islam?

Dato' Sabbaruddin Chik: Ada, Tuan Yang Dipertua, saya hendak kembali kepada soalan tambahan kedua tadi, saya minta maaf, soalan mengenai cawangan tadi. Yang sebenarnya cawangan di Kuala Terengganu, alhamdulillah telah pun bermula pada 1hb November, 1983 tetapi perasmiannya belum dibuat. Saya minta maaf, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa untuk membuka Akaun Semasa di Bank Islam memakan masa yang agak lama kalau dibandingkan dengan Bank-bank Perniagaan yang lain, ada yang menunggu lebih daripada satu jam ataupun hampir satu jam pelanggan menunggu dan ini akan membosankan pelanggan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, barang yang baru itu semua orang suka dan apabila ramai orang berebut-rebut, kadang-kadang terlewatlah sedikit memberi layanan.

Tuan Yang Dipertua: Saya fahamlah itu (*Ketawa*).

KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA—CARUMAN

7. **Tuan Daud bin Dato' Haji Taha** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menambahkan caruman bulanan pekerja-pekerja dan majikan kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) sekurang-kurangnya kepada 20% untuk caruman pekerja dan 30% yang dicarumkan oleh majikan supaya jumlah simpanan pekerja-pekerja dapat ditambah untuk kebaikan pekerja-pekerja itu sendiri khasnya dan negara amnya. Adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan sepenuhnya caruman pekerja-pekerja dan majikan untuk kegunaan membeli rumah memandangkan harga rumah begitu tinggi pada masa ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Kewangan sedang mengkaji kadar caruman Kumpulanwang Simpanan Pekerja yang ada sekarang. Kajian yang

mendalam perlu dijalankan bagi menentukan implikasi terhadap cadangan penambahan kadar caruman KWSP terutamanya terhadap pekerja-pekerja dan majikan di negara ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan penubuhan KWSP ialah untuk memberi jaminan kewangan kepada pencarum-pencarum pada masa persaraan.

Dalam usaha ini, KWSP telah melaksanakan skim pengeluaran caruman untuk membantu pencarum-pencarum KWSP yang ingin membeli rumah untuk mengatasi masalah mendapatkan wang pertaruhan sebanyak 10% daripada harga rumah yang biasanya diperlukan oleh pemaju-pemaju perumahan. Selain daripada itu, KWSP tidak bercadang untuk menggunakan caruman pekerja dan majikan sepenuhnya bagi tujuan pembelian rumah selaras dengan objektif penubuhan KWSP.

SQUADRON 75 RAAF— PENGUNDURAN

8. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada pengunduran 75 buah Squadron RAAF pada 11hb Ogos, akan mempengaruhi pertahanan udara negara kita, dan jika ya, apa peraturan-peraturan yang lain Kementeriannya telah ambil untuk memenuhi kehilangan ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang Dipertua, sebelum saya menjawab soalan ini, izinkan saya membuat sedikit pembedulan terhadap soalan ini di mana 75 buah Squadron yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya Squadron Nombor 75.

Pengunduran Squadron 75 (RAAF) pada 11hb Ogos yang lalu tidak menjejaskan pertahanan udara negara

kita. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pertahanan negara ini adalah menjadi tanggungjawab Angkatan Tentera kita sendiri dan kita telah pun dan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk melengkapkan Angkatan Tentera kita untuk memikul tanggungjawab ini.

Dalam hubungan ini Kerajaan akan melengkapkan TUDM dengan pesawat-pesawat baru dan anggota-anggotanya pula akan diberi latihan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu dari masa ke semasa. Dengan hal yang demikian, keupayaan TUDM akan dapat mengimbangi kekosongan akibat dari, dengan izin, "deployment" Squadron Tentera Udara Australia (RAAF) dari Butterworth itu.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

9. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan kadar pinjaman kebangsaan (National Debt).

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, sehingga 30hb Jun, 1983, hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah \$45.9 ribu juta yang terdiri daripada \$14.8 ribu juta hutang luar negeri dan \$31.1 ribu juta hutang dalam negeri.

LESEN BAS—JUMLAH KELULUSAN

10. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan lesen-lesen telah diluluskan di Semenanjung Malaysia dan memberi pecahan mengikut bangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Perusahaan Awam mengeluarkan 6 (enam) jenis lesen iaitu lesen bas sekolah, bas kilang, bas

berhenti-henti, bas ekspres, bas pesiaran dan bas mini. Perangkaan pemberian lesen hanya disimpan mengikut pecahan bumiputera, bukan bumiputera, campuran dan perangkaan ini sehingga 31hb Ogos, 1983 adalah seperti berikut:

Bagi lesen Bas Sekolah sejumlah 7,260 lesen telah diberikan kepada 5,990 pengusaha. Pecahan mengikut bangsanya terdiri daripada 29% (2,109) bumiputera, 69.2% (5,019) bukan bumiputera dan 1.8% (132) campuran.

Bagi lesen Bas Kilang sejumlah 1,365 lesen telah diberikan kepada 1,027 pengusaha. Peratusannya ialah 23.4% (320) bumiputera, 56.8% (775) bukan bumiputera dan 19.8% (270) campuran.

Bagi lesen Bas Berhenti-henti pula, sebanyak 4,278 lesen telah diberikan kepada 226 pengusaha. Pecahan mengikut bangsanya terdiri daripada 42.9% (1,836) bumiputera, 19.1% (815) bukan bumiputera dan 38% (1,627) campuran.

Bagi lesen Bas Ekspres pula, sejumlah 695 lesen telah diberikan kepada 139 pengusaha. Peratusannya ialah 70.5% (490) bumiputera, 50% (35) bukan Bumiputera dan 24.5% (170) campuran.

Bagi lesen Bas Pesiaran sebanyak 462 lesen telah diberikan kepada 248 pengusaha. Pecahan mengikut bangsanya terdiri daripada 60.8% (281) bumiputera, 5.6% (26) bukan bumiputera dan 33.6% (155) campuran.

Sementara bagi lesen Bas Mini pula, sejumlah 506 lesen telah diberikan kepada 186 pengusaha. Peratusannya ialah 71% (359) bumiputera, 8.1% (41) bukan bumiputera dan 20.9% (106) campuran.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan apakah sebabnya kadang-kadang dengan tak semena-mena sahaja Kementerian ini membekukan permohonan lesen pengangkutan bas dan dengan tak semena-mena pula memberikan pula lesen-lesen. Dan adakah semasa di dalam tindakan Kerajaan membekukan permohonan ini Kerajaan akan menimbangkan permohonan lesen pengangkutan bas kepada pemohon di satu tempat di mana penduduk-penduduk di kawasan tersebut amat memerlukan perkhidmatan pengangkutan bas.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, oleh sebab Ahli Yang Berhormat tidak menyebutkan apakah jenis bas yang dimaksudkan itu, izinkan saya kalau dapat menyebutkan satu persatu.

Buat masa ini Kementerian Perusahaan Awam melalui agensinya Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan tidak membekukan permohonan Bas Sekolah, tidak membekukan permohonan Bas Pesiaran, tidak membekukan permohonan Bas Berhenti-henti.

Yang termasuk dalam istilah apa yang dikatakan pembekuan itu, Tuan Yang Dipertua, ialah Bas Ekspres dan juga Bas Mini. Kerana mulai 1hb Januari, 1983, pihak Kementerian telah membuat suatu dasar iaitu semua pengeluaran permit-permit bas ekspres dan juga bas mini dibuat melalui iklan sepertimana yang pernah saya terangkan pada Dewan yang mulia ini dalam masa dua minggu yang lepas. Bahkan pada tahun ini pihak LPPJ telah pun mengiklankan laluan Johor Bahru-Kuala Lumpur, Kuala Lumpur-Ipoh, Ipoh-Johor Bahru dan permohonan-permohonan yang kita dapati daripada pengiklanan ini pada masa ini sedang diproses.

Bagi menjawab bahagian yang kedua, Tuan Yang Dipertua, jikalau didapati mana-mana tempat yang memerlukan permit bas ekspres maka pihak Kementerian ini akan mengiklankannya. Cara pengiklanan ini ialah supaya memudahkan semua pihak untuk memproses dan mendapatkan lesen-lesen yang berkenaan.

JALAN RAYA UTARA- SELATAN—PEMBAHARUAN

11. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah pembaharuan jalan raya Utara-Selatan akan selesai dibina dan apakah perbelanjaannya.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini kurang jelas. Walau bagaimanapun, ada dua kemungkinan mengenai apa yang ditanyakan itu iaitu mengenai Lebuhraya Utara-Selatan yang sedang dilaksanakan dan satu lagi kemungkinan mengenai pembaikan keatas Lebuhraya Jalan Persekutuan Satu atau Federal Road One, dengan izin.

Jika yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah mengenai Lebuhraya Utara-Selatan, suka saya menyatakan bahawa pembinaan projek ini masih lagi berada di berbagai-bagai peringkat pelaksanaan seperti pembinaan, urusan pengambilan balik tanah, rekabentuk kejuruteraan yang terperinci dan sebagainya. Oleh itu soal pembaharuan tidak timbul.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Utara-Selatan yang panjangnya lebih kurang 928 kilometer itu telah dibina sejak tahun 1977 dan dijangka siap pada tahun 1988. Kos bagi projek ini dianggarkan berjumlah \$3,910 juta.

Mengenai Lebuhraya Persekutuan Satu, suka saya jelaskan bahawa kerja-kerja pembaikan pada bahagian-bahagian tertentu jalan sekarang ini sedang dijalankan dan setengah-setengahnya telah pun siap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah pun membelanjakan sebanyak \$45.5 juta bagi maksud pembaikan itu dan di dalam Rancangan Malaysia Keempat pula Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$54.4 juta bagi pembaikan pada bahagian-bahagian tertentu Jalan Persekutuan itu. Kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan itu termasuklah melebarkan bahagian-bahagian tertentu jalan itu, mengganti jambatan-jambatan, pembinaan jejambat dan membaiki selekoh-selekoh yang merbahaya.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa dalam pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan ataupun untuk memperbaiki jalan-jalan Federal untuk projek ini, kenapa mutu pembinaan begitu rendah. Semacam apa yang berlaku di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban apabila dimulakan tiga tahun, empat tahun dahulu menjadi satu Lebuhraya yang boleh dibanggakan oleh Rakyat Malaysia. Sekarang satu Lebuhraya yang malu (disgrace), oleh kerana begitu banyak tempat yang sudah rosak sehingga semacam satu lorong belakang sahaja. Kenapa sudah berlaku begitu cepat, tiga tahun sudah menjadi begitu?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, bagi pihak Yang Berhormat menuduh kononnya jalan-jalan-nya yang sedang dibina pada hari ini mutunya rendah, itu adalah pendapat Yang Berhormat sendiri. Oleh kerana terlampau banyak sangat jalan-jalan yang sedang disiapkan dan oleh

kerana tidak begitu senang untuk mendapat laluan kebanyakan daripada tanah-tanahnya telah pun dibina dengan berbagai-bagai pembinaan dan sebagainya maka tidaklah senang untuk pihak Kerajaan mencari saluran yang tidak menyusahkan orang ramai. Mungkin tidak berapa lama lagi kebanyakan daripada jalan-jalan ini juga akan dibina di atas muka-muka paya dan sebagainya dan ini akan menimbulkan kerumitan dalam segi kejuruteraan dan sebagainya dan perkara ini tidaklah begitu anih yang berlaku di negara Malaysia sahaja, bahkan di negara-negara lain pun ada berlaku keadaan runtuh tanah dan sebagainya.

MAJALAH "NADI INSAN" DIGANTUNGAN

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa "show-cause letter" diberi kepada jurnal bulanan "Nadi Insan" baru-baru ini dan sama ada Kerajaan akan menarik balik surat tersebut selaras dengan konsep Kerajaan yang terbuka dan liberal.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, walaupun Kerajaan mengamalkan dasar yang terbuka dan liberal terhadap akhbar-akhbar tetapi kebebasan yang diberikan ini ada mempunyai batasnya. Kerajaan tidak akan dapat menerima konsep bebas dan liberal ini sekiranya pihak-pihak penerbit akhbar atau majalah-majalah tidak tahu menghargainya dan menerbitkan apa-apa bahan yang boleh mengancam ketenteraman awam, keselamatan dan perhubungan baik di antara negara ini dengan negara-negara lain.

Majalah "Nadi Insan" telah diberikan tiga kali amaran sebelum tindakan menggantung permit penerbitan majalah ini diambil. Di samping itu, penerbit majalah "Nadi Insan" ini juga telah dipanggil ke

Kementerian Dalam Negeri untuk berbincang dan diberi nasihat supaya tidak menerbitkan perkara-perkara yang boleh menjejaskan hubungan baik di antara negara ini dengan negara-negara jiran.

Kali pertama majalah "Nadi Insan" ini telah diberi amaran ialah berikutan dengan penyiaran beberapa rencana, berita dan gambar-gambar kartun di dalam keluaran majalah "Nadi Insan" bulan Disember, 1982 yang menyentuh hal ehwal dalam negara asing di mana bantahannya telah dibuat kepada Kerajaan Malaysia.

Penerbit majalah ini telah diberi amaran supaya jangan menerbitkan lagi bahan-bahan yang boleh menjejaskan hubungan baik di antara Malaysia dengan negara-negara jiran.

Pihak penerbit tidak mengindah amaran yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan. Majalah "Nadi Insan" telah sekali lagi menyiarkan bahan-bahan yang boleh menjejaskan hubungan baik di antara negara ini dengan sebuah negara jiran.

Walaupun amaran keras telah diberi kepada penerbit majalah "Nadi Insan" ini tetapi pihak penerbit masih tidak mematuhiya sekali lagi telah menerbitkan bahan-bahan yang boleh menjejaskan hubungan Malaysia dengan sebuah negara sahabat lain. Oleh yang demikian Kerajaan tiada pilihan lain selain daripada menggantung permit penerbitan majalah "Nadi Insan" ini pada 15hb September, 1983.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang telah saya nyatakan awal-awal tadi, walaupun Kerajaan pada hari ini bersikap liberal dan memberi kebebasan kepada penerbit-penerbit akhbar dan majalah tetapi Kerajaan tidak akan bertolak ansur dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya pihak penerbit-penerbit akhbar dan majalah tidak menghargai kebebasan yang telah diberi kepada

mereka dan menggunakan kebebasan yang telah diberi kepada mereka untuk menerbitkan bahan-bahan yang boleh mengancam ketenteraman awam, keselamatan negara dan menjejaskan hubungan baik di antara negara ini dengan negara-negara asing.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, adakah benar bahawa antara sebab tindakan yang ada diambil terhadap "Nadi Insan" ialah oleh kerana "Nadi Insan" selalu memuatkan rencana-rencana yang sangat kritikal semua aspek dasar-dasar dan pentadbiran Kerajaan dan oleh kerana rayuan ada dibuat atas penggantungan tiga bulan "Nadi Insan", adakah Kementerian berkenaan bertujuan untuk tarik balik penggantungan "Nadi Insan" ini supaya keluaran November dan Disember boleh dikeluarkan dan akhirnya bolehkah Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan bahawa kalau tidak ada perubahan dalam keputusan untuk gantung "Nadi Insan" untuk tiga bulan sehingga akhir tahun ini satu jaminan dibuat bahawa untuk tahun 1984 KDN atau permit lesen akan diberi kepada "Nadi Insan" oleh kerana sekarang dalam tempoh untuk membarui lesen KDN semua majalah-majalah.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, dari ingatan saya telah jelas dan ketara sekali iaitu mana-mana majalah ataupun penerbitan yang mana pengeluarannya boleh menjejaskan hubungan negara ini dengan negara asing, maka pihak kami tidak akan membenarkan majalah itu berleluasa.

Yang kedua, berhubung dengan tarik balik. Kalau satu-satu majalah itu berpotensi merosakkan akhlak rakyat atau boleh menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara, Kerajaan akan mengambil tindakan sama ada di bawah seksyen 4

CIPA ataupun Control of Imported Publication Ordinance ataupun di bawah seksyen 7 Akta Mesin Cetak 1948 ataupun seksyen 22 di bawah Akta ISA. Ertinya Kerajaan tidak akan berganjak dari mempraktikkan peruntukan-peruntukan dalam undang-undang tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, bolehkah satu jaminan diberi bahawa untuk tahun 1984 KDN untuk Nadi Insan akan diberi?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, keterangan saya telah jelas iaitu jikalau tidak bercanggah dengan apa yang saya katakan tadi tentu sekali kita akan beri.

PELARIAN FILIPINO DAN PENDATANG HARAM INDONESIA

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar kehadiran pelarian-pelarian Filipino dan pendatang-pendatang haram Indonesia di Sabah merupakan satu ancaman terhadap Negeri Sabah seperti terbukti dengan penangkapan seringkali mereka itu oleh pihak Polis; apakah tindakan akan diambil untuk mengusirkan mereka dari Sabah demi menjaga nyawa dan harta benda rakyat Sabah serta mempertahankan kedaulatan Negeri Sabah.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedar bahawa kehadiran pelarian Filipino di Sabah tidak menimbulkan ancaman ketenteraman awam atau keselamatan negara. Dalam pada itu, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang positif dan tegas untuk mengawal keadaan ini.

Pada keseluruhannya, Kerajaan berpendapat bahawa penglibatan pendatang-pendatang haram Indonesia dan pelarian Filipino dalam kes jenayah tidaklah membimbangkan. Namun demikian,

Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas untuk mencegah serta mengurangkan lagi kejadian jenayah ini di samping menyelesaikan kes-kes yang telah dilapor kepada pihak berkuasa semoga mereka yang terlibat akan dapat diambil tindakan mengikut undang-undang yang ada sekarang.

Kemasukan ke negara ini oleh mana-mana warganegara asing tanpa menggunakan dokumen yang sah merupakan satu kesalahan di bawah Undang-undang Imigresen yang berkuatkuasa sekarang.

Kerajaan akan terus mengambil tindakan tegas terhadap semua pendatang haram dengan cara mengesan, menangkap, mendakwa dan menghantar balik ke negara asal mereka.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng. Tidak hadir. Soalan berbalik semula.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Andrew Janggi Muiyang.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Andrew Janggi Muiyang tidak hadir).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Newman Gaban.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 3.

FERI DARI SEMENANJUNG KE SABAH/SARAWAK

3. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah feri di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dilaksanakan. Manakah satu pelabuhan di Semenanjung yang akan digunakan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, Kementerian Pengangkutan telah meminta Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab soalan ini.

Tuan Yang Dipertua: Ya.

Datuk James Peter Ongkili: Tuan Yang Dipertua, setelah menjalankan kajian terperinci Syarikat Perkapalan Perbadanan Nasional Bhd (PNSL) akan menyelenggarakan perkhidmatan Feri Malaysia di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak boleh dilaksanakan perkhidmatan tersebut di penghujung tahun 1984 jika keadaan mengizinkan.

Pelabuhan di Semenanjung Malaysia yang telah dikenal atau dikenalpasti sebagai pelabuhan yang akan digunakan ialah Pelabuhan Kuantan. Di Kuantan Feri Malaysia itu akan berkhidmat belayar ke Kuching dan Kota Kinabalu dan di sebaliknya belayar dari Kota Kinabalu ke Kuching dan Kuantan.

Tujuan utama mengadakan Feri Malaysia ini ialah untuk mempercepatkan proses penyatuan atau integrasi rakyat di seluruh negara kita.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan berapa lamakah perjalanan feri ini daripada Kuantan ke Kuching ataupun daripada Kuantan ke Kota Kinabalu.

Datuk James Peter Ongkili: Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya katakan tadi rancangan ini masih dalam pengkajian yang lanjut tetapi adalah dijangka bahawa feri ini akan berupa semalam belayar esoknya tiba (overnight) iaitu kalau dari Kuantan pada pagi ini atau hari ini, esok akan tiba di Kuching, begitu juga daripada Kuching ke Kota Kinabalu dan sebaliknya.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan jika keadaan mengizinkan. Jadi, saya ingin memetik rangkai kata “keadaan mengizinkan” ini, adakah ianya keadaan kewangan ataupun keadaan gelora Laut China Selatan, dan setakat manakah feasibility study telah pun dijalankan untuk memastikan bahawa perkhidmatan feri ini benar-benar memberi manfaat kepada rakyat di Semenanjung Malaysia dengan rakyat Sabah dan Sarawak.

Datuk James Peter Ongkili: Tuan Yang Dipertua, “keadaan mengizinkan” yang dimaksudkan itu ialah yang pertama soal kewangan dan Kerajaan telah membenarkan dalam perkara ini PNSL untuk berusaha mendapatkan peruntukan dengan cara pinjaman untuk menampung keperluan membina atau mengadakan sebuah kapal yang akan dijadikan feri itu seperti yang dikatakan tadi.

Feasibility study atau kajian terperinci itu memang telah dibuat dan itulah sebabnya Kerajaan telah memberi keputusan dan kebenaran untuk PNSL berasaskan kepada kajian terperinci yang telah dibuat untuk berusaha mencari pinjaman sebagai satu syarikat untuk membina dan mengadakan perkhidmatan ini. Jadi, dalam jangka masa seperti itu saya telah katakan tadi adalah diharapkan di penghujung tahun 1984 perkhidmatan ini akan dapat dimulakan. Dari segi kemudahan rakyat Malaysia dalam rangka

feasibility study atau kajian terperinci itu adalah diharapkan supaya feri ini akan dapat mengangkut sebanyak 850 orang Malaysia dan boleh sampai 100 buah kenderaan sekali berjalan. Kalau dikurangkan bilangan kenderaan itu maka bilangan rakyat Malaysia yang boleh naik sekali feri ini sekali berjalan boleh dimaksimumkan sehingga 1,000 orang Malaysia sekali.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 14.

LAWATAN KE CHINA—RAWATAN

14. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah permohonan yang dibuat untuk melawat Negeri China untuk tujuan sosial dan juga untuk mendapatkan rawatan perubatan masing-masing dalam tahun 1981, 1982 dan dari Januari hingga Ogos 1983 dan nyatakan jumlah permohonan yang ditolak.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Sukalah saya menjelaskan di Dewan Yang Mulia ini bahawa jumlah permohonan yang dibenarkan untuk melawat ke Negeri China bagi tujuan sosial dan mendapat rawatan sejak tahun 1981 hingga sekarang ini adalah seperti berikut:

Tahun	Tujuan sosial		Tujuan perubatan		Jumlah
	Lulus	Tolak	Lulus	Tolak	
1981	2,978	234	447	5	3,664
1982	3,553	129	31	5	3,718
1983	3,153	140	30	—	3,323

Pada tahun 1983 yakni Januari sehingga Jun untuk tujuan sosial: lulus 3,183; tolak 140 dan untuk tujuan perubatan: lulus 30, tolak belum ada lagi dan jumlah 3,323.

Tuan Chan Kok Kit: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada bilangan pegawai di Kementeriannya yang berhubung dengan lawatan untuk tujuan sosial atau lawatan perubatan boleh ditambahkan memandangkan bilangan pemohon-pemohon yang terlalu ramai.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, pihak kami tidak sengaja melambat-lambatkan mana-mana permohonan. Asalkan permohonan itu bersesuaian dengan kehendak undang-undang yang wujud pada hari ini maka ianya akan diberi layanan yang tidak melebihi daripada had yang dikehendaki.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu pada umumnya agak berapa lama yang dikehendaki oleh Kementerian untuk meneliti dan memproses satu-satu permohonan yang dibuat untuk dapat rawatan atau untuk tujuan perubatan. Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada kes-kes di mana si pemohon yang mengidap penyakit yang serius yang telah memohon untuk dapat kebenaran untuk melawat ke negeri China atas tujuan perubatan terpaksa menunggu sehingga beliau meninggal dunia akan tetapi kebenaran belum dikeluarkan.

Jika Timbalan Menteri sedar bolehkah pihak Kementerian mengambil satu sikap yang lebih positif dengan tujuan untuk menyegerakan segala permohonan yang dibuat atas tujuan perubatan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, pihak kami sentiasa berikhtiar untuk menye-

gerakan segala permohonan, lebih-lebih lagi permohonan yang berkaitan dengan rawatan. Perlu juga dinyatakan di sini, iaitu berhubung dengan rawatan, perkara yang penting ialah bahawa tidak ada doktor di dalam negara ini yang boleh mengubati si pesakit itu dan kenyataan itu, perlulah pula dipasti dan disahkan oleh doktor. Jadi inilah sesuatu yang menjadi kerumitan bagi kami dan setelah mendapat segala-galanya maka kami akan sentiasa menilai dan memberi perhatian sebagaimana yang pernah kami laksanakan. Tidak timbul sama sekali soal lewat atau berapa lama menunggu. Soal mati itu, soal lain. Sesiapa pun mati.

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana untuk pergi ke negeri China untuk tujuan perubatan ialah untuk menyelamatkan nyawa dan kesihatan. Bolehkah Kementerian mengecualikan langsung syarat-syarat di mana sesiapa yang mahu pergi ke negeri China untuk tujuan perubatan yang ada disahkan oleh doktor boleh dibenarkan tanpa apa-apa lagi syarat, tanpa apa-apa lagi siasatan oleh kerana patutlah menjadi hak setiap manusia. Kalau beliau percaya di negeri China atau di mana-mana dia boleh dapat satu harapan yang baru dalam kehidupannya, berilah dia satu harapan. Bolehkah untuk ini dikecualikan langsung?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, soal kecuai, tidak kecuai tidak timbul. Saya telah menyatakan sekejap tadi, bahawa segala-galanya bergantung dengan keadaan, iaitu bergantung kepada pengesahan. Kalau pengesahan itu wujud dan faktor-faktor lain-lain adalah bersesuaian dengan kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang diperlukan, maka kita akan memberi kebenaran untuk pesakit itu dirawat di negeri China.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 adalah diberi di bawah ini).

HIDRO-ELEKTRIK BATANG AI— PAMPASAN KEPADA PENDUDUK

2. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah wang pampasan yang sudah dan yang akan dibayar kepada penduduk-penduduk yang terlibat kerana pembinaan projek Hidro-Elektrik Batang Ai. Setakat manakah projek ini telah dijalankan dan bilakah ianya akan siap. Berapa besar tanah yang akan diberi kepada tiap-tiap keluarga yang terlibat di dalam Resettlement Area.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah wang pampasan yang perlu dibayar kepada penduduk-penduduk yang terlibat dengan pembinaan projek Hidro-Elektrik Batang Ai ialah sebanyak \$60.0 juta, iaitu \$30.0 juta bagi setiap Fasa I dan Fasa II bagi menempatkan semula penduduk-penduduk dari kawasan berkenaan, iaitu bagi kawasan bahaya (danger zone) dan kawasan separuh bahaya (partial danger zone): Dari jumlah tersebut, setakat ini sebanyak \$26 juta telah pun dibayar kepada penduduk-penduduk berkenaan bagi penempatan semula Fasa I. Selebihnya dijangka akan dibayar sebelum kawasan tersebut ditenggelami air, iaitu sebelum Oktober 1984 ini.

Dari segi kemajuan pelaksanaan projek ini pula pada keseluruhannya kemajuannya adalah mengikut jadual yang telah dirancang dan unit janakuasa pertama dijangka akan dapat dimula tugaskan pada bulan

Mei, 1985 ini. Projek ini dijangka akan siap pelaksanaan keseluruhannya pada awal tahun 1986 ini.

Mengenai besar tanah yang diberikan kepada tiap-tiap keluarga yang terlibat, adalah dimaklumkan bahawa setiap keluarga itu diberikan sebanyak 6 hektar tanah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (3hb November, 1983).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1983,

adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (3hb November, 1983).

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan membenarkan tiga orang lagi Ahli yang telah membayangkan hendak berucap. Selepas itu, saya akan minta Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat dari Bagan Datoh menyambung ucapannya.

3.37 *ptg.*

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datoh): Tuan Yang Dipertua, bagi menyambung sokongan saya di dalam Dewan yang mulia ini dalam membahaskan Belanjawan bagi tahun 1984, saya telah memberi sokongan yang penuh kepada peruntukan yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan kepada projek ataupun program perumahan untuk rakyat di dalam negara kita ini terutama sekali rumah-rumah yang berharga murah. Selain daripada Jabatan Perumahan Negara, saya fikir pada pendapat saya badan-badan swasta atau khasnya badan-badan berkanun Kerajaan seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri yang ada di setiap negeri yang khasnya membangunkan perumahan sudah sewajarnya memberikan pertolongan sama ada rakyat biasa ataupun khasnya kepada kakitangan Kerajaan yang begitu sekali memerlukan rumah untuk kediaman mereka.

Sepertimana yang saya katakan pada hari yang lepas sekiranya pegawai itu suami isteri misalnya bekerja barangkali tanggungan mereka adalah ringan. Tetapi kalau suami sahaja bekerja untuk menanggung isteri dan anak-anak bagi

membeli rumah ataupun menyewa rumah, pada hemat saya keadaan sewa rumah dan harga rumah pada hari ini sangatlah mahal. Apakah tidak boleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri yang mendapat kemudahan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri cuba mengurangkan atau tidak begitu tinggi menjual rumah-rumah yang dibina oleh mereka itu kepada pembeli-pembeli. Inilah saranan saya yang dapat saya kemukakan bagi membantu kakitangan Kerajaan kita yang begitu berkehendakkan rumah terutama sekali di bandar-bandar seperti di ibu kota dan di bandar-bandar lain di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh soal pelajaran, di mana di dalam Belanjawan ini diperuntukkan sebanyak \$3,365 juta untuk pelajaran adalah sangat dialu-alukan kerana pelajaran merupakan satu pelaburan yang sangat penting bagi Kerajaan bagi menampung keperluan pelajar-pelajar yang telah pun diterangkan di sini sebanyak 20,000 orang pelajar yang berkehendakkan bantuan pelajaran.

Dengan adanya peruntukan yang sejumlah tersebut, saya berharap pelajaran akan merupakan suatu bidang yang sudah semestinya mendapat keutamaan Kerajaan untuk memperhebatkan lagi bagaimana pelajar-pelajar kita dapat diberikan tempat ataupun kemudahan pelajaran yang begitu baik. Ini tidak lain dan tidak bukan bagi kita untuk mewujudkan satu generasi yang akan datang yang lebih baik, yang lebih berguna, yang lebih beramanah terutama sekali di samping kita memberi pelajaran yang begitu baik, adalah diharapkan supaya pelajar-pelajar ini akan betul-betul pula diberi pelajaran agama Islam sesuai dengan penerapan nilai-nilai Islam yang dirancang atau menjadi dasar Kerajaan bagi kepentingan pelajar-pelajar itu sendiri supaya apabila

mereka itu bertugas sama ada di pihak Kerajaan, swasta dan sebagainya. Mereka mempunyai identiti, mempunyai maruah yang begitu tinggi, mengenal dirinya sebagai seorang Bumiputera, sebagai seorang Melayu, sebagai seorang yang beragama Islam.

Ini adalah penting saya rasa oleh kerana terdapat ada golongan ataupun ada setengah-setengahnya terdapat walau bagaimana tinggi pun pelajaran seseorang itu agak mudah juga mereka itu terpesong ataupun menyeleweng daripada tugas yang diamanahkan kepada mereka itu. Apatah lagi mereka itu terdedah daripada anasir-anasir umpamanya menuntut ke luar negeri dan sebagainya, terpicat dengan gadis-gadis luar negeri yang cantik-cantik, diri pun jadi Mat Salleh umpamanya, dia lupa dirinya seorang Melayu dan beragama Islam, asyik mengikut sahaja kata isteri maka dengan sebab itu wang rakyatkah, wang apa, dia kebas, dia tidak peduli apa, ini menunjukkan bahawa ada di antaranya pegawai-pegawai kita itu tidak betul-betul mengenal dirinya sebagai seorang yang benar-benar diterapkan dengan ajaran-ajaran Islam yang begitu tinggi nilai dan maruahnya.

Tuan Yang Dipertua, buat akhirnya saya ingin menyentuh kepada peruntukan sektor pertanian yang begitu mendapat perhatian daripada peruntukan ini di mana kita tahu bahawa perindustrian pertanian yang mendapat \$365 juta bagi perbelanjaan Mengurus dan juga \$1,325 juta untuk program-program Pembangunan Pertanian, ini sangat-sangatlah dialu-alukan. Oleh kerana kita tahu negara kita adalah negara pertanian dan juga rata-rata penduduk luar bandar adalah berasaskan kepada pertanian, maka sudah tentulah pertanian ini merupakan suatu perkara yang amat penting bagi Kerajaan melaksanakan segala projek-projek yang telah ditentukan oleh Kementerian Pertanian.

Saya suka menyokong sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Jasin bahawa kalau boleh Kerajaan mestilah menumpukan Pembangunan Pertanian, Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini di tiap-tiap daerah supaya kalau boleh diperuntukkan ataupun kalau boleh saya ingin meminta kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang begitu baik menjalankan rancangan seperti Rancangan Koperasi Pembangunan Daerah, ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memajukan sektor pertanian dan sebagainya, supaya sektor ekonomi di daerah-daerah di dalam negara kita ini dapat diadakan suatu pegawai khas ataupun sepertimana yang ada di tiap-tiap negeri kita ada Pegawai Pembangunan Negeri; kalau boleh di tiap-tiap daerah kita berkehendakkan satu pegawai khas yang dinamakan Pegawai Pembangunan Daerah.

Ini adalah kerana bagi menjamin segala rancangan Kerajaan yang telah diputuskan dan yang telah kita rancang untuk dilaksanakan betul-betul terlaksana. Tidaklah seperti mana yang telah lalu terdapat ada di antaranya Rancangan Malaysia Yang Ketiga pun masih ada yang belum dilaksanakan.

Sebagai contoh saya suka sebut satu; di dalam kawasan Parlimen saya sendiri iaitu Rancangan Parit-memarit Induk untuk mengalirkan air di dalam kawasan Parlimen Bagan Datok. Wangnya telah pun diluluskan oleh Bank Pembangunan Asia dalam tahun 1981 tetapi sehingga hari ini Rancangan Parit-memarit Induk itu tidak lagi dilaksanakan. Ini menyebabkan apabila hujan, tidak payah musim tengkujuh, tidak payah hujan yang lebat, sedikit sahaja hujan turun telah menyebabkan keadaan di dalam kampung ataupun di dalam kebun-kebun di kawasan saya telah banjir ditenggelami oleh air dan ini barangkali ada berlaku di kawasan-

kawasan lain di dalam negara kita ini. Maka itulah sebabnya saya menyarankan tadi sekiranya boleh saya sangat berharap supaya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ataupun Kementerian Pertanian betul-betul dapat menjalankan usaha yang gigih dalam tahun 1984 ini bagi kepentingan pekebun-pekebun kecil kita seperti pekebun-pekebun kecil getah, pekebun kecil kelapa, koko, penanam-penanam padi, nelayan dan sebagainya supaya mendapat betul-betul pembelaan daripada Kerajaan kerana kita tahu bahawa mereka inilah yang benar-benar memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan kita iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Maka dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi menyokong penuh atas Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

3.47 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Belanjawan Negara bagi tahun 1984 dan mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang dapat mengemukakan satu Belanjawan Negara bagi tahun 1984 di Dewan yang mulia ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana berhasrat untuk meneruskan pembangunan negara kita yang kita kasih ini dengan tidak mewujudkan cukai-cukai baru yang boleh menyulitkan lagi kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah serta memberi galakan-galakan baru untuk pertumbuhan industri-industri kecil

dan galakan supaya lebih banyak bahan-bahan mentah diproses dan dikilang di dalam negeri kita ini.

Di samping itu juga Kerajaan nampaknya dengan secara ber-sungguh-sungguh akan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan dan menghadkan perbelanjaan Kerajaan. Walau bagaimanapun, saya sungguh gembira apabila mendengar jaminan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bahawa Kerajaan mengambil langkah-langkah ini secara berhati-hati dan dengan penuh teliti supaya ianya tidak menjejaskan rancangan sosio-ekonomi negara terutama sekali yang menyentuh kepentingan golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan juga memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini walaupun Kerajaan menjadualkan semula perbelanjaannya, keutamaan yang tinggi akan terus diberi kepada projek-projek untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan juga akan terus menyediakan peruntukan yang cukup untuk memperbaiki dan menambahkan lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar seperti jalan luar bandar dan jalan kampung, bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, sebagai seorang Ahli Dewan yang mewakili penduduk-penduduk luar bandar yang kebanyakannya menjadi petani-petani dan nelayan-nelayan, saya mengalu-alukan dasar Kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan kepada para petani dan nelayan kita. Usaha untuk melaksanakan suatu pendekatan baru untuk memajukan perusahaan perikanan dan meninggikan tarat sosio-ekonomi kaum nelayan dan peruntukan sejumlah \$34 juta bagi mengadakan lain-lain kemudahan infrastruktur dan

perkhidmatan-perkhidmatan soko-nghin untuk nelayan pantai dalam dan penternak-penternak ikan air tawar adalah sungguh menggalakkan.

Tuan Yang Dipertua, sungguhpun negara kita terus berkembang maju dan ramai rakyat kita menikmati taraf hidup yang agak memuaskan tetapi masih ramai lagi yang hidup di paras kemiskinan. Mereka ini adalah terdiri daripada petani-petani, nelayan-nelayan, pekebun-pekebun kecil, buruh-buruh ladang dan peniaga-peniaga kecil yang perlu dibela oleh Kerajaan. Bantuan-bantuan, subsidi-subsidi dan kemudahan-kemudahan yang lain dengan secara *ad hoc* tidak akan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka untuk mencari kebahagiaan hidup seperti yang dirasakan oleh golongan rakyat yang telah maju ke hadapan dan menikmati taraf hidup yang agak tinggi jika dibandingkan dengan golongan rakyat yang berpendapatan rendah ini. Mereka juga seperti orang lain ingin memiliki tapak rumah dan rumah sendiri. Mereka juga ingin mendapat kemudahan-kemudahan asas yang sempurna seperti penduduk-penduduk di dalam bandar. Mereka juga ingin melihat anak-anak mereka mendapat pelajaran sehinggalah ke peringkat yang paling tinggi. Mereka juga ingin merasai pendapatan yang stabil dan sejajar dengan kos penghidupan yang meningkat dari masa ke semasa.

Bagi petani-petani yang diberi kemudahan-kemudahan perairan untuk tanah sawah mereka, pendapatan mereka meningkat sedikit jika dibandingkan dengan kedudukan mereka 10 tahun yang lalu. Sungguhpun begitu mereka tidak dapat mengawal kos input pertanian yang meningkat dari masa ke semasa. Mereka juga sedang menghadapi kesulitan-kesulitan teknik bekalan air dan penyakit tanaman yang menjejaskan pendapatan mereka keseluruhannya.

Rancangan seperti Perairan MUDA yang dulunya dialu-alukan sebagai rancangan pertanian yang terbaik di negara kita ini sedang menghadapi berbagai-bagai masalah. Kita tidak dapat menafikan bahawa langkah-langkah sedang diambil oleh Kerajaan untuk membina rancangan-rancangan taliair dan berusaha bersungguh-sungguh mengawal penyakit padi dewasa ini.

Kita tidak dapat menafikan Kerajaan sedang mencurahkan beratus-ratus juta ringgit untuk Rancangan Muda II tetapi ini akan memakan masa yang panjang sehingga 15 tahun. Mungkin pada masa itu pekerjaan bersawah akan menjadi satu usaha yang tidak ekonomik lagi. Saya berharap Kerajaan pada hari ini perlu memikirkan rancangan-rancangan lain, mengadakan industri-industri kecil dan mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baru dengan banyak lagi untuk menampung anak-anak petani yang tidak ada tempat lagi di bidang pertanian.

Tuan Yang Dipertua, di dalam usaha Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat di negara kita ini, saya berpendapat perhatian yang khusus perlu diberi kepada masyarakat nelayan yang serba miskin dan ketinggalan di dalam segala bidang. Rancangan-rancangan untuk membantu nelayan sekarang ini tidak dapat dengan secara menyeluruh membasmi kemiskinan yang terdapat di kalangan nelayan kita. Mereka masih lagi tinggal di tepi-tepi sungai dan di tepi pantai dengan tidak ada tapak rumah yang dimiliki oleh mereka sendiri. Mereka selalu diancam oleh ombak yang melanda tebing-tebing sungai di kuala dan terpaksa berpindah randah apabila tebing-tebing itu runtuh disebabkan hakisan air. Rumah-rumah mereka adalah amat dhaif sekali dan terletak

di kawasan yang tidak sempurna untuk diberi kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, api dan jalan-jalan kampung.

Tuan Yang Dipertua, jika Kerajaan hendak mengkaji kemiskinan yang sebenarnya, di sinilah dan di kalangan nelayanlah terdapat rakyat kita yang paling miskin. Saya rasa satu kajian yang komprehensif perlu dibuat dan satu perancangan untuk mereka dapat disegerakan. Rancangan yang saya maksudkan ialah perancangan yang meliputi sosio-ekonomi rakyat nelayan supaya dapat menjamin pendapatan yang munasabah dan dapat melahirkan kampung-kampung nelayan yang teratur serta diberi kemudahan asas seperti yang didapati di rancangan-rancangan FELDA ataupun di rancangan rumah-rumah awam Kerajaan.

Saya ingin melihat satu skim diwujudkan supaya hasil tangkapan mereka dapat dipasarkan dengan harga yang terjamin dan munasabah. Saya ingin melihat kehidupan nelayan-nelayan tidak diancam oleh mana-mana pihak dan mereka tidak lagi menghadapi tekanan ekonomi. Dengan yang demikian, mereka dapat hidup sempurna dan anak-anak mereka akan dapat mengikuti pelajaran dengan baik serta tidak didedahkan dengan pengaruh-pengaruh yang tidak sihat dan tidak diingini. Saya juga merayu kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan untuk melindungi nelayan-nelayan kita daripada persaingan yang tidak sihat daripada nelayan-nelayan negara asing yang menggunakan bot-bot yang besar di perairan kita yang boleh menjejaskan penangkapan nelayan-nelayan kita yang sedang berlaku sekarang ini. Saya juga berharap Kerajaan dapat mengkaji semula dasar Kerajaan melesenkan bot-bot kecil yang digunakan oleh nelayan-nelayan pantai supaya mereka dapat mencari nafkah hidup dengan selamat.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan memperbaiki dan menambahkan lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar seperti jalan luar bandar, jalan kampung, bekalan letrik dan bekalan air saya dapati usaha-usaha ini belum dapat dilaksanakan dengan licin dan teratur.

Pada masa Anggaran Belanjawan 1983 dibentangkan dulu, kita diberi jaminan yang sama bahawa Kerajaan akan meneruskan memberi kemudahan-kemudahan ini sungguhpun negara sedang menghadapi ekonomi yang meleset. Tetapi apa yang dijanjikan dan peruntukan yang diluluskan di Dewan yang mulia ini tidak dapat dilaksanakan seperti yang diharapkan. Contohnya, Tuan Yang Dipertua, Kerajaan berjanji hendak memberi peruntukan \$700 ribu bagi daerah Kota Setar di Kedah untuk jalan luar bandar pada tahun 1983. Tetapi peruntukan ini telah dikurangkan sehingga \$200 ribu sahaja bagi satu daerah yang meliputi 3½ kawasan Parlimen.

Bagi rancangan bekalan letrik luar bandar pula, jadual pelaksanaan bekalan letrik ke kampung-kampung yang akan dikaji semula di Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat belum lagi diberitahu kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab dan ini akan menyulitkan pelaksanaannya mengikut jadual.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap bagi tahun 1984 ini, peruntukan-peruntukan dan rancangan-rancangan yang telah disusun akan dilaksanakan mengikut apa yang ditetapkan oleh Dewan yang mulia ini pada mesyuarat Belanjawan pada tahun ini.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Anggaran Belanjawan bagi negara kita untuk tahun 1984.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

4.00 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk bangun berucap bagi menyokong ucapan Belanjawan tahun 1984 yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada tarikh 21hb Oktober, 1983 yang lalu.

Dari ucapan Belanjawan bagi tahun 1984 oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu didapati boleh dikatakan keseluruhan ucapan Belanjawan tersebut di segi peruntukan-peruntukan bagi Kementerian-kementerian amatlah kaget sekali memandangkan dalam keadaan ekonomi dunia yang sedang meleset (recession) Tuan Yang Dipertua yang mana jumlah belanjawan bagi tahun 1984 sebanyak \$27,692,000,000 yang mana sebanyak \$19,016,000,000 atau 69% Belanja Mengurus dan \$8,676,000,000 atau 31% adalah bagi Perbelanjaan Pembangunan.

(Tuan Shamsuri bin Md. Salleh *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, di sini ingin saya menyentuh satu dua Kementerian yang mana peruntukan-peruntukan dan Kementerian ini yang mana saya dapati walaupun kita sedar bahawa dalam keadaan ekonomi yang sedang meleset, tetapi kalau kita kaji dalam masalah nisbah penduduk misalnya penduduk-penduduk di luar bandar yang mana penduduk-penduduk ini boleh dikatakan di antara 60%-65% adalah terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar. Jadi peruntukan di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang mana berjumlah keseluruhannya sebanyak

\$725,811,180 yang mana di segi Belanja Pembangunan yang berjumlah \$543,950,080 sahaja, tetapi kalau bagi orang-orang kampung, bagi orang-orang luar bandar kalau dengar \$543 juta ini memang besar, tetapi kalau dinilai dengan perbelanjaan keseluruhan negara kita ini iaitu dalam Belanja Pembangunan untuk luar bandar, kalau kita lihat bagi diri saya, saya kata kecil, oleh kerana, Tuan Yang Dipertua, masalah-masalah luar bandar ini adalah satu masalah yang begitu rumit sekali sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan beliau di dalam Parlimen penggal yang sudah yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa Wakil Rakyat di luar-luar bandar ini dia mesti boleh berenang, dia mesti tahu panjat pokok, dia mesti tahu panjat gunung, menyeberangi sungai dan bermacam-macam lagi. Kerana apa? Ini disebabkan kita sedar bahawa kawasan-kawasan luar bandar ini masih banyak lagi yang mundur.

Yang pertamanya, masalah jalan raya.

Yang keduanya, masalah bekalan elektrik dan air. Jadi di sini saya rasa semua orang pun sedar dalam masalah luar bandar ini.

Rakyat luar bandar sebagaimana yang kita ketahui umum adalah terdiri daripada rakyat yang berpendapatan rendah iaitu rakyat yang mana mereka terdiri daripada kaum-kaum tani dan juga nelayan-nelayan. Jadi dalam masalah ini, Tuan Yang Dipertua, penduduk-penduduk luar bandar mereka adalah terdiri daripada rakyat yang taat setia, yang tidak berbelah bahagi kepada negara ini. Jadi mereka jugalah, rakyat luar bandar ini yang menegakkan Kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini, mereka inilah yang taat, yang tidak berbelah bahagi, tetapi mengapa mereka ini, rakyat luar bandar ini yang

masih kita, Kerajaan khususnya kurang lagi memberi peruntukan-peruntukan yang besar kepada rakyat di luar bandar. Kalau kita lihat di bandar bangunan yang besar-besar, bangunan yang tinggi-tinggi siapa yang punya? Kita sedar bahawa rakyat luar bandar tidak mampu untuk mendirikan bangunan yang tinggi-tinggi ataupun rumah yang besar, tetapi saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan supaya dalam masalah peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini bukan setakat berjumlah \$725 juta sepatutnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini ditambah daripada satu tahun ke satu tahun. Ini adalah untuk menolong rakyat di luar bandar khususnya kepada kaum-kaum tani dan juga kepada nelayan-nelayan, misalnya di kawasan-kawasan yang mana kawasan-kawasan yang mundur yang disebabkan mundur ialah kerana tiadanya kemudahan-kemudahan seperti jalan raya.

Yang pertama sekali jalan raya. Kami Wakil-wakil Rakyat luar bandar selalu menerima rungutan-rungutan daripada penduduk-penduduk kampung yang mana mereka mengatakan kita telah merdeka sudah 25 tahun, tetapi rakyat luar bandar sehingga hari ini masih ditakuk lama juga, mereka terpaksa jalan memasuki kampung-kampung, terpaksa apabila musim hujan bukan tuan naik basikal, tetapi basikal naik tuan, masih ada lagi. Tetapi wakil daripada Pembangkang silap sedikit Kerajaan tidak betul, silap sedikit Kerajaan tidak betul, tetapi Kerajaan selalunya, kebanyakan projek-projek dalam kawasan bandar terutama kawasan Kepong, saya tengok Wakil daripada Kepong senyum-simpul tadi. Kawasan luar bandar kalau wakil-wakil Pembangkang pergilah tengok sekali jangan duduk dalam kawasan bandar sahaja, dalam kawasan bandar apa yang tidak ada, semuanya ada. Orang dalam bandar hendak gaduh apa? Dia

menentang Kerajaan pun dia ada. Kata orang dalam bandar, kami menentang Kerajaan semua ada; elektrik ada, air ada, api ada, segala-galanya ada, tetapi rakyat luar bandar yang taat kepada negara ini, yang cinta kepada negara ini, yang menyokong Kerajaan sejak daripada tahun 1955, pilihanraya yang pertama, 31hb Julai, 1955 sehingga sekarang, tetapi mereka ini masih taat dan mereka masih lagi tidak menentang Kerajaan, cuma segelintir sahaja, tetapi mengapa kita mendiskriminasikan mereka ini?

Saya tidak menatikan bahawa kita menolong rakyat luar bandar, tetapi ada setengah-setengah tempat yang masih lagi mundur. Misalnya dalam daerah kecil Selama dalam Negeri Perak yang mana rakyat di sana masih belum lagi menikmati jalan raya setengah-setengah tempat, bukan keseluruhannya, dan masih lagi belum menikmati api elektrik. Begitu juga dalam kawasan Gerik, Ulu Perak yang mana di Ulu Perak sana ada 3 haidro elektrik, kawasan empangan elektrik, tetapi rakyat di kawasan Gerik tidak dapat menikmati elektrik. Elektrik itu datang daripada kawasan Gerik tetapi dibawanya ke kawasan-kawasan lain.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat, boleh beri jalan? Ada orang bangun.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Hendak ganggu pula?

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Boleh beri jalan?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat ini melaung-laungkan sebagai seperti ahli Pembangkang juga sekarang ini, merayu sini, situ kesilapan dan ketidakcekapan mengenai pembangunan di luar bandar. Baik beliau mari ke sini untuk membangkang.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Sebenarnya kami daripada Kerajaan Barisan Nasional, penyokong-penyokong Barisan Nasional, penyokong-penyokong Barisan Nasional adalah sebuah parti yang mengamalkan demokrasi (*Tepuk*). Kami boleh menegur Kerajaan, tidak seperti DAP, silap sedikit tegur pemimpin—pecat (*Ketawa*). Contohnya, Wakil dari Ipoh, Lim Cho Hock, maafkan saya, diberi amaran terus dipecat.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Bekas wakil!

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Bekas Ahli Parlimen kawasan Ipoh. Tetapi kami daripada Barisan Nasional adalah parti Kerajaan yang mengamalkan demokrasi, kami boleh menegur pemimpin kami. Itu dinamakan demokrasi (*Tepuk*). Teguran ini adalah teguran membina, Wakil dari Kepong, bukan teguran untuk menjahanam, untuk kebaikan kita dan kebaikan Kerajaan serta kebaikan rakyat. Itu matlamat Kerajaan Barisan Nasional. Saya harap Wakil dari Kepong itu jangan ganggu saya lagi.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pun ada, saya rasa beliau setuju di atas cadangan saya ini sebab kebanyakan rakyat yang tinggal di luar bandar ini adalah terdiri daripada rakyat murheim, rakyat yang susah terdiri daripada kaum-kaum tani, kaum-kaum nelayan yang mana ada setengah daripada mereka itu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dan kais malam makan malam pun ada juga. Jadi dengan itu, saya ingin mencadangkan, tetapi benda ini sudah dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, tetapi saya berharap semoga di masa-masa

hadapan supaya membuat kajian agar peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar itu ditambahkan menjadi lebih daripada \$1,000 juta, ini tujuan untuk menolong di kawasan-kawasan luar bandar.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, peruntukan Kementerian Pertanian yang berjumlah \$1,056,966,800, ini pun bagi Kementerian Pertanian saya rasa tidak mencukupi oleh kerana kebanyakan penduduk-penduduk dalam negara kita ini adalah terdiri daripada kaum-kaum tani dan juga nelayan-nelayan. Kalau kita lihat keadaan kaum-kaum tani yang mana banyak daripada kawasan-kawasan, misalnya dalam kawasan saya sendiri di kawasan Parlimen Matang ada beribu-ribu ekar kawasan sawah padi yang tidak boleh digunakan lagi untuk menanam padi, ini disebabkan kekurangan air. Jadi saya rasa patutlah Kementerian ini mencari satu jalan yang mana saya rasa elok saya mencadangkan supaya kita adakan macam satu kertas putih untuk Kementerian ini mengkaji dalam masalah petani-petani dan juga nelayan-nelayan di negara kita.

Begitu juga dalam Kementerian Pelajaran. Saya rasa Kementerian Pelajaran yang berjumlah \$3,926 juta ini saya rasa memang sesuai sekali memandangkan pelajaran ini adalah amat mustahak kepada anak bangsa kita. Saya berharap kepada Kementerian ini supaya yang mana peruntukan-peruntukan bangunan-bangunan sekolah-sekolah di luar-luar bandar yang mana banyak daripada peruntukan itu ditangguhkan supaya peruntukan untuk mendirikan bangunan-bangunan sekolah di luar-luar bandar itu diberi ataupun dimasukkan di dalam peruntukan Kementerian Pelajaran bagi tahun 1984 nanti.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, masalah Kementerian Pertahanan.....

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Sedikit lagi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ada seminit lagi.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Seminit?

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, dalam masalah Kementerian Pertahanan ini yang berjumlah \$3,000 juta lebih, bagi diri saya kalau Kementerian Pertahanan ini kecil kerana masalah pertahanan, dalam pergolakan dunia sekarang ini amat kecil. Sebab apa saya kata kecil? Walaupun negara kita kecil, tetapi sebagai persediaan sebab kita mengikut dalam Islam sendiri pun disuruhnya kita bersedia menguatkan diri, bahkan, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, sabda Rasulullah s.a.w. pernah menyuruh umatnya supaya melatih umat Islam naik kuda, tetapi zaman sekarang naik kuda lawan race kuda, tetapi maksud Rasulullah naik kuda itu melatih supaya kuat, terutama dalam angkatan tentera, sekarang dengan menggunakan kereta kebal, kereta besi dan lain-lain lagi. Dilatihnya kita supaya main pedang, tetapi zaman sekarang main pedang untuk wayang gambar, tetapi maksud main pedang sekarang ini ialah dengan menggunakan senjata kelengkapan perang. Itu kata Rasulullah s.a.w. Jadi, selain daripada itu, disuruh kita berlatih berenang, berlatih bergusti. Itu kata Rasulullah s.a.w. Dalam masalah ini tujuannya supaya kita dalam segi pertahanan mempertahankan negara, jadi kalau negara kita kuat dalam segi pertahanan, tidak ada siapa pun berani mengganggu-gugat.

Tuan Yang Dipertua, sebab apa saya menyarankan supaya pertahanan ini dipertambahkan kerana kita ini kita tahu walaupun kita ada perjanjian-perjanjian yang tertentu tetapi di sebaliknya Vietnam kalau Vietnam datang menyerang dengan kapal terbang daripada South Vietnam sampai ke Kota Bharu lebih kurang 500 batu, dalam masa satu jam Vietnam boleh serang sebab Vietnam mempunyai lebih kurang 900 kapal terbang pejuang dan pengebom. Malaysia mempunyai F5E cuma lebih kurang 17 atau 18 buah sahaja. Inikah yang mempertahankan. Kita hendak tunggu Skyhawk, yang ditunggu itu pun yang second hand, yang dibeli second hand, sudah tidak mahu digunakan oleh Amerika Syarikat, kita beli yang itu. Jadi, apa dasar pertahanan ini. Saya pun tidak faham. Mengapa kita tidak mahu beli yang baru?

Tuan Yang Dipertua, baru-baru ini pula dua, tiga hari sudah wakil dari Sungai Besi membangkitkan masalah menerapkan nilai-nilai Islam dalam Kerajaan. Jadi, wakil dari Sungai Besi ini tidak ada pula, habis semua cabut. Saya cadang hendak menerangkan supaya mereka faham tetapi saya ingin bercakap juga dalam masalah ini supaya orang-orang yang bukan Islam ini faham, Islam inilah satu agama yang paling universal, tidak ada agama lain yang sebenar melainkan agama Allah, agama Islam inilah agama yang paling universal dan Islam ini pula cara pentadbiran, cara penilaian memang adil, seadil-adilnya. Tetapi kita orang-orang Islam sendiri pun wajib faham. Yang saya bimbang ini orang Islam sendiri tak faham apa itu Islam. Bila dengar kata pemerintah Islam, kerat tangan, kerat itu, ini semua. Sebenarnya Islam tidak zalim sebegitu. Islam adil, ada syaratnya, tiga puluh berapa syarat, baru boleh potong, adilnya Islam ini....

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Jadi, Tuan Yang Dipertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, maka dengan ini saya menyokong di atas Belanjawan 1984. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya jemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

4.24 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya sukalah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran, syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara yang diletak di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Dalam tempoh perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan 1984, seramai lebih kurang 35 orang Ahli-ahli Yang Berhormat, telah membangkitkan beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, terutamanya mengenai pengendalian projek-projek Turnkey, dasar pengeluaran minyak negara, penerapan nilai-nilai Islam dan penswastan. Saya tidaklah bercadang, Tuan Yang Dipertua, hendak menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan kerana ada di antaranya yang telah pun dijelaskan dalam masa soal jawab dalam sidang Dewan ini juga. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara itu. Saya menganggap bahawasanya ini adalah sebagai ingatan kepada Kerajaan kerana tentulah perkara-perkara itu adalah perkara penting, sebab itulah telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan.

Tuan Yang Dipertua, beberapa orang Yang Berhormat telah menyentuh Dasar Pandang ke Timur dan kaitannya dengan amalan projek Turnkey. Di antara lain, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyatakan bahawa Dasar Pandang ke Timur telah menyebabkan kontraktor-kontraktor tempatan diketepikan berhubung dengan projek-projek Turnkey. Ada Ahli yang menyatakan bahawa ianya telah menganiayai kontraktor kecil kononnya kontraktor kita tidak berpeluang mengambil bahagian di dalam projek Turnkey yang besar-besar itu.

Saya sukalah memberi penjelasan bahawa berhubung dengan Dasar Pandang ke Timur ini, pemilihan kontraktor bagi sesuatu tender itu adalah dibuat atas dasar tawaran harga yang kompetitif, teknik dan teknologi yang digunakan serta tempoh masa menyiapkan dan tidak ada hubungannya dengan Dasar Pandang ke Timur. Kontraktor yang memberi tawaran yang terbaik sekali dari ketiga-tiga aspek yang tersebut biasanya akan ditawarkan kerja kontraktor tanpa mengira sama ada kontraktor asing atau kontraktor tempatan atau kontraktor itu kontraktor kecil. Dalam pada itu Kerajaan telah juga mengambil beberapa langkah untuk memastikan penyertaan kontraktor-kontraktor tempatan khususnya kontraktor bumiputera dalam kontrak-kontrak Turnkey dan di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan tujuan ini dicapai ialah:

- (i) Di dalam Projek Turnkey, firma-firma asing yang berjaya dikehendaki menubuhkan syarikat usahasama dengan firma-firma tempatan dengan penyertaan ekuiti tempatan sekurang-kurangnya 30%.

- (ii) Firma-firma asing juga disyaratkan memberi kerja sub-kontrak tidak kurang daripada 30% dari nilai kontrak asal, kepada kontraktor-kontraktor tempatan terutamanya kontraktor bumiputera.
- (iii) Kontraktor-kontraktor asing yang menjalankan Projek Turnkey itu juga diisyaratkan menggunakan bahan-bahan tempatan.

Selain daripada langkah-langkah tersebut, ingin juga saya menekankan bahawa satu aspek Dasar Pandang ke Timur ialah manfaat daripada pemindahan teknologi ataupun latihan yang diperolehi oleh warganegara Malaysia dalam pelaksanaan projek-projek besar seperti projek yang dibuat secara Turnkey itu. Dalam hubungan ini, inginlah saya menyatakan bahawa syarikat-syarikat asing, khususnya syarikat-syarikat dari Jepun dan Korea yang mendapat kontrak-kontrak besar di negeri ini baik secara Turnkey atau secara conventional adalah juga disyaratkan untuk menyediakan atau mengadakan rancangan latihan bagi rakyat tempatan. Misalnya, bagi Projek Kampus Universiti Teknologi Malaysia di Skudai, Johor, sebanyak \$16 juta telah diperuntukkan bagi komponen latihan kepada rakyat tempatan dalam tempoh empat tahun projek itu dirancangan berjalan. Bagi projek Dayabumi pula, sebanyak \$1.6 juta telah diperuntukkan sebagai komponen latihan. Dari segi bilangan warganegara kita yang telah menerima manfaat latihan di dalam projek-projek besar itu, butir-butir adalah seperti berikut:

(i) *Projek Dayabumi*

50 orang telah dilatih secara formal dalam berbagai bidang binaan di negeri Jepun.

(ii) *Projek P.N.B.*

Seramai 37 pelatih atau aperantis daripada Jabatan Tenaga Rakyat menjalani latihan di Tapak Projek PNB iaitu 10 di bidang tukang kayu, 10 di bidang "concrete", 10 di bidang "bar-bending" dan 7 di bidang "bricklayer".

(iii) *Projek Jambatan Pulau Pinang*

Satu pusat latihan diwujudkan oleh syarikat yang berkenaan yang telah diberi kontrak membina jambatan itu bagi melatih belia-belia untuk keperluan tenaga pekerja projek itu. Seramai 242 orang telah dan sedang mendapat latihan.

Oleh itu, sekali lagi saya tegaskan bahawa pemberian kontrak kepada kontraktor-kontraktor yang kebetulan dari Jepun dan Korea itu tidaklah ada kena-mengena dengan Dasar Pandang ke Timur ataupun tempatan dengan tujuan hendak mengeneipkan kontraktor-kontraktor tempatan.

Tuan Yang Dipertua, sungguhpun kadar pengeluaran minyak mentah Malaysia akan ditambah dalam tahun 1984 kepada 440,000 tong sehari, tidaklah bermakna negara ini akan kehabisan minyak dalam jangkamasa 12 tahun seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya, simpanan minyak mentah Malaysia didapati bertambah dari setahun ke setahun hasil daripada usaha-usaha mencarigali yang berterusan.

Pada masa ini simpanan minyak yang diketahui yang boleh dikeluarkan ialah lebih kurang 2,600 juta tong dan angka ini adalah 44% lebih tinggi daripada angka simpanan yang dipercayai ada dalam tahun 1980 iaitu 1,800 juta tong sahaja. Tambahan-tambahan pengeluaran yang sedang dibuat ialah daripada padang-padang minyak yang baru.

Dengan simpanan-simpanan minyak yang diketahui bertambah dari setahun ke setahun dan kadar pengeluaran yang terkawal berdasarkan kepada Dasar Susutan Negara yang ada, Malaysia tidak akan kehabisan minyak dalam jangkamasa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan dasar negara mengenai minyak pula, Tuan Yang Dipertua, sebenarnya Kerajaan sedang melaksanakan Dasar Petroleum Negara yang telah pun dipersetujui dan diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dasar Petroleum Negara ini juga akan menjadi sebahagian daripada dasar kegunaan tenaga yang akan digubalkan oleh Kerajaan. Tetapi buat sementara itu, antara strategi-strategi yang sedang dilaksanakan sukalah saya maklumkan ialah:

- (1) untuk mengurangkan pergantungan negara kepada petroleum dengan cara mempelbagaikan unsur-unsur kuasa yang sudah diperolehi;
- (2) membangunkan perusahaan gas asli untuk dieksport dan untuk mempertingkatkan kegunaan di dalam negeri;
- (3) meneruskan usaha-usaha mencari-cari untuk menambah unsur-unsur petroleum negara; dan
- (4) melibatkan penyertaan tempatan yang lebih berkesan dalam perusahaan petroleum dan juga untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri berkaitan dengan petroleum di dalam negeri.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, kepadanya saya sukalah memaklumkan iaitu PETRONAS tidak berhasrat untuk mengambil alih operasi-operasi Syarikat Sarawak Shell Berhad. Walau bagaimanapun, PETRONAS Carigali

akan mengadakan operasi usahasama dengan syarikat tersebut untuk mengeluarkan minyak dari lapangan-lapangan minyak yang telah dan akan diserahkan olehnya.

PETRONAS Carigali akan memberikan keutamaan pekerjaan kepada rakyat Sarawak dalam semua operasi di Sarawak. Syarikat ini akan menggaji mereka mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatannya yang lebih kurang sama dengan syarikat minyak yang lain dan akan memberi gaji serta kemudahan yang wajar dengan kelulusan dan pengalaman mereka.

Berhubung dengan penerapan nilai-nilai Islam yang dibangkitkan oleh banyak juga Ahli Yang Berhormat yang mengambil dalam bahasan, sukalah saya menegaskan bahawa usaha-usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam tidak bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia kerana telah jelas tercatat bahawa agama Islam adalah agama rasmi negara ini.

Apa yang Kerajaan usahakan ini tidak menyentuh kepentingan dan kepercayaan agama-agama lain kerana Islam mengutamakan kesederhanaan dan keadilan sosial dalam serba tindakan. Oleh itu, orang bukan Islam yang ingin mengamalkan kepercayaan dan agama mereka sendiri tidak harus merasa risau atau gelisah kerana Perlembagaan Malaysia telah memberi jaminan dalam hal ini. Malah dalam Islam sendiri, tidak ada paksaan dalam kepercayaan dan semua manusia boleh memilih apa agama atau kepercayaan yang mereka sukai.

Sekiranya hal ini disedari oleh semua golongan masyarakat Malaysia, sama ada dari orang-orang Islam mahupun bukan Islam, maka perasaan sensitif tidak harus timbul dari mana-mana pihak mengenai usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam yang sedang berjalan sekarang.

Kita perlu mengimbangi antara pembangunan fizikal dan pembangunan rohaniah dan dengan itu sudah semestinya asas-asas rohaniah itu dikukuhkan dengan meningkatkan kesedaran dan penghayatan ajaran agama kita.

Negara Malaysia telah diwujudkan atas prinsip percayaan kepada Tuhan dan memberi kebebasan kepada penduduk-penduduknya mengamalkan agama pilihan mereka dan di samping itu pula menerima Agama Islam sebagai Agama Rasmi. Oleh itu, usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam seperti bersih, cekap, amanah, keadilan sosial, hormat menghormati, kesungguhan bekerja tentu dapat diterima oleh masyarakat majmuk di Malaysia ini kerana nilai-nilai ini juga diterima oleh agama-agama lain.

Semoga kita berharap dengan berpegang kepada nilai-nilai yang sama itu akan kukuhlah lagi ikatan muhibah dan perpaduan yang sedia terjalin antara kaum di Malaysia negara kita.

Tuan Yang Dipertua, perkara-perkara mengenai konsep dan pelaksanaan dasar penswastan dan persyarikatan Malaysia telah juga dibangkitkan. Perkara ini telah pun beberapa kali dijelaskan di Dewan ini khususnya semasa soalan jawab mulut.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu yang melibatkan dasar-dasar ini sedia maklum penerangan-penerangan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, sukalah saya tegaskan lagi sekali bahawa pelaksanaan dasar-dasar ini sedang dikaji dengan teliti di peringkat agensi-agensi pusat dan agensi-agensi pelaksanaan bagi tujuan menentukan supaya kesannya adalah selaras dengan dasar-dasar dan hasrat Kerajaan yang sebenarnya. Inginlah

saya memberi jaminan bahawa segala syor dan pandangan yang telah dikemukakan itu akan dikaji dan diberi perhatian oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, mengenai industri berat yang dibangkitkan oleh juga ramai Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam bahasan, saya ingin memberi penjelasan bahawa Kerajaan mengakui hakikat bahawa perusahaan berat adalah perlu dan mustahak menjadi asas perkembangan perindustrian untuk masa jangka panjang. Ini adalah kerana industri berat akan mengujudkan "spin-off effect" dengan izin, Tuan Yang Dipertua, terutamanya perkembangan industri-industri kecil yang sekarang juga diberi perhatian berat oleh Kerajaan.

Dalam melaksanakan cadangan ini, Kerajaan akan menumpukan perhatian kepada perkembangan industri tertentu sahaja dahulu, seperti industri berasaskan logam dan industri yang mengeluarkan barang-barang pembinaan selaras dengan perkembangan industri-industri dalam ekonomi negara.

Dalam melaksanakan perusahaan berat, penekanan diberi ke atas pembangunan teknologi yang sesuai untuk membolehkan "spin-off effect" dengan izin, diwujudkan dengan berkesan. Untuk maksud ini, Kerajaan akan menyelaraskan usaha pemindahan dan perkembangan teknologi dengan perancangan tenaga manusia terlatih dalam bidang-bidang yang tersebut. Usaha-usaha ini dijangka tidak akan menjejaskan usaha mempertingkatkan kegiatan sektor-sektor lain termasuk sektor pertanian di mana langkah-langkah berasingan dirancang untuk pelaksanaan.

Industri-industri berat ini tidak semestinya ditempatkan di kawasan atau negeri yang maju sahaja, malahan kawasan yang kurang maju yang sesuai akan diberi keutamaan,

dan dengan itu, pemindahan penduduk akibat dari pelaksanaan perusahaan berat dijangka tidaklah akan menjadi masalah besar.

Tuan Yang Dipertua, mengikut perancangan, PROTON Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Perbadanan Industri Berat Malaysia, akan mengeluarkan kira-kira 120,000 unit kereta sepanjang setahun menjelang tahun 1990 dan jumlah ini merupakan lebih kurang 60% daripada jumlah pasaran kereta kita pada masa itu.

Bukanlah menjadi tujuan PROTON untuk memenuhi kesemua pasaran kereta tempatan kita. Oleh yang demikian, pemasangan-pemasang kereta tempatan yang lain akan terus memainkan peranan mereka bagi memenuhi keperluan pasaran.

Memanglah menjadi tujuan PROTON untuk mengeluarkan kereta dengan harga yang setanding. Antara langkah-langkah yang akan diambil supaya hasrat ini akan tercapai adalah dengan meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan pekerja-pekerja serta menjaminkan mutu pengeluarannya.

Pekerja-pekerja akan diberi latihan khas dan khusus dalam semua aspek pengeluaran kereta. Selain dari itu, Kilang Kereta Nasional akan dilengkapi dengan proses-proses automatik dan juga menggunakan teknologi baru.

Dari segi mutu pula, PROTON akan menggunakan sistem kawalan mutu yang telah terbukti dan amat sesuai seperti yang digunakan pengilang-pengilang kereta di negeri Jepun. Kawalan mutu yang rapi akan dilaksanakan di setiap peringkat pengeluaran. Komponen-komponen tempatan yang bermutu juga akan digunakan secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat, khususnya dari Sarawak, telah menyeru agar Kerajaan Pusat memberi perhatian yang wajar dalam mengatasi masalah kemiskinan rakyat Bumiputera. Sebagaimana termaklum, Kerajaan Pusat sentiasa mengambil perhatian yang berat mengenai masalah kemiskinan di Sarawak dan akan terus berbuat demikian.

Beberapa projek telah pun dilaksanakan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan golongan miskin termasuk rakyat Bumiputera di negeri Sarawak. Projek-projek ini termasuk pemberian subsidi bagi tanaman lada hitam, sagu dan untuk mempelbagaikan tanaman serta pemberian subsidi bagi bot dan alat-alat penangkapan ikan. Di samping itu, Kerajaan pada masa ini sedang menjalankan kajian-kajian kemungkinan bagi projek-projek pertanian yang bersepadu di Samarahan dan Kalaka-Saribas. Jika didapati menguntungkan, projek-projek ini akan dilaksanakan dan golongan miskin yang menyertai projek-projek ini akan menikmati beberapa faedah serta pendapatan yang lebih tinggi serta mutu kehidupan yang lebih baik pula.

Tuan Yang Dipertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat, daripada Kota Melaka bahawa pegawai-pegawai kanan Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak mahu membuat appointment dengannya untuk membincangkan soal BMF adalah suatu dakwaan yang melulu, tidak berasas dan mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Sebenarnya, Setiausaha kepada Ahli Yang Berhormat tersebut telah pun menelefon seorang pegawai kanan BPR pada 21hb Oktober, 1983 untuk membincangkan soal BMF dan pegawai tersebut telah pun menjelaskan bahawa Ahli Yang Berhormat berkenaan bersama-sama

dengan Setiausahanya itu boleh datang ke Ibu Pejabat BPR untuk membincangkan perkara tersebut dengan Pengarah Siasatan BPR. Lebih kurang jam 3.00 petang pada hari yang sama, Pengarah Siasatan BPR telah pun cuba menghubungi pejabat Ahli Yang Berhormat itu tetapi telefonnya itu sentiasa digunakan (engaged). Tetapi malangnya, sehingga ke hari ini Ahli Yang Berhormat, itu ataupun Setiausahanya masih tidak menghubungi pegawai kanan BPR yang berkenaan untuk menetapkan appointment. Jadi kalau begitu keadaannya maka tentulah kita memang bertanya sama ada dakwaan Ahli Yang Berhormat, bahawa pegawai-pegawai kanan BPR tidak ingin membuat appointment dengannya itu betul atau tidak. Itu tentulah jelas kepada kita. Pada pandangan saya, dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan itu tentulah boleh dianggap mempunyai niat tertentu untuk kepentingan dan tujuan politiknya.

Peranan Jabatan Perpaduan Negara pula, seperti diamanahkan oleh Kerajaan ialah untuk mengawasi supaya proses integrasi nasional berjalan dengan lancarnya dan supaya perhubungan antara kaum/kumpulan-kumpulan ethnik menjadi lebih berat. Dalam pada itu Jabatan Perpaduan Negara mempunyai program sendiri di dalam memberikan peluang kepada rakyat berbilang kaum untuk berinteraksi bagi menjalin dan meningkatkan lagi persefahaman dan toleransi ke arah keharmonian kehidupan rakyat. Jadi apakah salahnya pada kegiatan seperti mengeluarkan majalah untuk tujuan seranta dan menggalakkan aktiviti-aktiviti kejranaan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memupuk perpaduan rakyat?

Program yang dijalankan itu melibatkan tiga strategi iaitu penggalakan, pencegahan dan

pemulihan. Aspek penggalakan adalah langkah menggerakkan program dan aktiviti yang boleh membina dan memupuk perasaan muhibbah, toleransi dan persefahaman dan untuk mengikis sikap negatif oleh sesuatu kaum terhadap kaum yang lain.

Usaha-usaha ini termasuklah juga pendidikan sivik serta pembelajaran Bahasa Malaysia untuk diterapkan identiti nasional kepada rakyat berbilang kaum. Usaha ini berjalan melalui kelas Tabika serta Kelas Perpaduan Rakyat di bawah rancangan perhubungan masyarakat dan konsep baru Rukun Tetangga.

Pencegahan pula adalah merupakan program untuk menyelesaikan satu-satu isu sensitif yang melibatkan mana-mana kaum atau agama sebelum ianya merosot dan berleluasa. Ini juga termasuk program integrasi antara negeri-negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Program di bawah strategi ini biasanya dijalankan tanpa sebarang publisiti.

Pemulihan pula adalah merupakan usaha dan tindakan untuk mententeramkan rakyat yang terlibat dalam pergaduhan atau perselisihan faham yang bercorak perkauman dan menghapuskan rasa takut dan syak wasangka antara kaum, serta juga untuk memulihkan balik keyakinan dan perasaan muhibbah antara kaum.

Tidak boleh dinafikan bahawa hasil dari program yang dilakukan interaksi antara kaum semakin pesat. Oleh yang demikian, dengan penerangan tersebut saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Kepong lebih faham akan fungsi jabatan tersebut kerana ialah yang telah membangkitkan tentang fungsi Jabatan Perpaduan Negara.

Tuan Yang Dipertua, mengenai cadangan supaya Pusat Islam, Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri dikemaskinikan dan disusun

semula, sukaiah saya menjelaskan bahawa perkara ini memanglah dalam tindakan Kerajaan. Malahan apa yang Kerajaan lakukan ialah menyusun semula seluruh organisasi Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri termasuk Unit Institut Dakwah dan Latihan, Maahad Tahfiz al-Quran, Unit Dokumentasi serta menaikkan taraf jawatan-jawatan penting di Masjid Negara, Majlis Hal Ehwal Agama Islam dan sebagainya.

Mengenai cadangan supaya seorang Menteri penuh dilantik untuk mengetahui urusan berkaitan dengan Islam seperti Tabung Haji, Pusat Islam, Yayasan Dakwah dan sebagainya, sukaiah saya menjelaskan bahawa buat masa ini keadaan yang sedia ada difikirkan memadai kerana selain daripada saya yang menjadi Menteri yang bertanggungjawab terhadap perkara ini, maka saya pun ada seorang Setiausaha Parlimen yang bertanggungjawab mengenai perkara ini yang membantu saya dalam hal-hal yang berhubung dengan Bahagian Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang Dipertua, ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara Labuan yang akan dijadikan Wilayah Persekutuan. Perkara ini telah diterangkan semasa menjawab pertanyaan untuk jawab mulut di Dewan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menambah bahawa Kerajaan Persekutuan sedang menimbang untuk mewujudkan kawasan pilihanraya Parlimen yang berasingan bagi Pulau Labuan supaya rakyat di pulau tersebut dapat diwakili di peringkat Parlimen atas dasar yang sama seperti yang diamalkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dengan ini tidaklah timbul soal rakyat kawasan Labuan tidak mempunyai perwakilan setelah Labuan menjadi Wilayah Persekutuan nanti.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya, sukaiah saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sebenarnya segala perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan pada peringkat dasar ini telah dicatat dan diberi perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri dan di mana yang difikirkan sesuai akan dilaksanakan dengan tujuan supaya mutu khidmat yang diberi oleh Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensi di bawahnya akan dapat dipertingkatkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri.

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan berbilang terima kasih atas teguran-teguran dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semasa membahaskan ucapan Belanjawan Negara, 1984 mulai 24hb Oktober sehingga hari ini.

Secara keseluruhannya perkara-perkara yang telah disentuh itu ialah mengenai keselamatan di bawah tajuk-tajuk seperti:

- (i) Rondaan Polis di pinggir laut;
- (ii) Masalah Pendaftaran Negara di Sabah dan Sarawak;
- (iii) Lawatan ke Negeri China; dan
- (iv) Kawalan atas penggunaan Pita Video.

Tuan Yang Dipertua, kebanyakan daripada perkara yang telah disentuh itu sudah pun ditanya dan dijawab di dalam Dewan yang mulia ini semasa soal jawab dalam persidangan sekarang dan juga di persidangan-persidangan yang lalu. Walau bagaimanapun, saya akan cuba memberi penerangan dan penjelasan atas perkara-perkara yang dibangkitkan itu berasas kepada keadaan semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan telah menggesa supaya Kerajaan menambahkan rondaan Polis di pinggir laut, mendakwa segera penjenayah-penjenayah yang ditangkap, mengganti kenderaan-kenderaan Polis yang lama dan menaikkan pangkat anggota-anggota Polis yang layak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari Kinabatangan sukalah saya maklumkan bahawa rondaan-rondaan polis merin sentiasa dijalankan setiap masa untuk mengawal kawasan perairan Malaysia yang dipertanggungjawabkan kepada pasukan tersebut.

Mengenai pendakwaan penjenayah-penjenayah yang ditangkap pula, mereka itu didakwa sebaik sahaja siasatan ke atas mereka selesai dijalankan, berasaskan bukti-bukti yang jelas. Walau bagaimanapun, tidak semua siasatan dapat diselesaikan dalam masa yang singkat. Tidak perlu saya memberi penjelasan lanjut di sini kerana tiap-tiap pendakwaan adalah bergantung kepada mudah atau sukarnya mendapat bukti-bukti yang perlu untuk mereka didakwa di mahkamah.

Bagi menggantikan kenderaan polis yang lama pula, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat itu kerana mengemukakan perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan, Kementerian memang

mengambil berat terhadap perkara ini, dan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menggantikan kenderaan polis yang lama kepada yang baru tetapi dalam suasana kewangan negara sekarang ini Kementerian tidak dapat memenuhi semua keperluan menggantikan kenderaan-kenderaan lama itu sebagaimana lazimnya diamalkan.

Sukacita saya menerangkan di sini bahawa walaupun adanya langkah-langkah jimat cermat diselenggarakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia, operasi-operasi atau tugas-tugas polis yang memerlukan kenderaan, tidak terjejas.

Tuan Yang Dipertua, mengenai kenaikan pangkat anggota-anggota polis pula, sukalah saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan yang berkenaan bahawa kenaikan pangkat anggota-anggota polis adalah berdasarkan lunas-lunas dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Urusan kenaikan pangkat bagi anggota-anggota polis adalah dijalankan dengan rapi, dan hanya mereka yang layak dan berkebolehan sahaja dinaikkan pangkat. Mereka yang bersih, cekap dan amanah tidaklah perlu bimbang akan masa depan mereka dalam pasukan polis.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyentuh tentang permohonan paspot antarabangsa untuk lawatan ke negara China.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sukalah saya tegaskan bahawa Kerajaan bukanlah tidak membenarkan langsung rakyat Malaysia membuat perjalanan ke negara China tetapi Kerajaan perlu mengadakan kawalan perjalanan demi menjaga keselamatan dan kepentingan negara. Kawalan perjalanan yang diadakan oleh Kerajaan itu tidaklah bertentangan dengan

hak asasi manusia kerana hak asasi manusia itu sendiri tidak akan bererti jika keselamatan dan kepentingan negara terancam. Kawalan yang serupa juga diamalkan oleh negara-negara lain di atas sebab-sebab kepentingan negara masing-masing.

Rakyat negara ini, Tuan Yang Dipertua, dibenarkan melawat negara China jika tujuan lawatan itu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah membangkitkan masalah-masalah sosial yang timbul di kem pelarian Vietnam di Sungai Besi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sukalah saya maklumkan di sini bahawa keadaan di kem pelarian tersebut adalah terkawal dan Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk mempercepatkan lagi urusan menghantar pelarian tersebut ke negara-negara ketiga.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan (Sabah) dan Betong (Sarawak) telah menggesa supaya Kementerian menambahkan cawangan-cawangan Pejabat Pendaftaran Negara dan kakitangan di kedua-dua negeri tersebut di samping mengadakan lawatan pegawai-pegawai pendaftaran ke kawasan pedalaman, memandangkan kesukaran yang dihadapi oleh penduduk kawasan tersebut untuk mendaftarkan kelahiran dan kematian.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan akan mengkaji dengan sehalus-halusnya cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut, sebelum mengambil sebarang tindakan bagi memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas (Sarawak), Ulu Muda (Kedah) dan Bachok

(Kelantan), telah melahirkan ke-bimbangan mereka ke atas kesan-kesan buruk yang timbul akibat daripada kecenderungan rakyat negara ini kepada hiburan melalui pita-pita rakaman video. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut telah menggesa Kerajaan supaya penggunaan pita-pita rakaman video itu dikawal dengan sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, di sini sukalah saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya memang sentiasa mengawasi dan mengenakan kawalan yang ketat ke atas pengedaran pita-pita rakaman video di negara ini berdasarkan undang-undang yang dikuatkuasakan. Semua pita-pita rakaman video yang hendak diimport dan diedarkan di negara ini akan ditapis terlebih dahulu dan cuma pita-pita rakaman video yang tidak mengandungi bahan-bahan yang, dengan izin, prejudicial terhadap keselamatan, ketenteraman awam dan akhlak sahaja akan dibenar untuk diimport dan diedarkan.

Di samping itu, pihak Kerajaan juga sentiasa membuat pemeriksaan-pemeriksaan mengejut di atas pusat-pusat video dari masa ke semasa bagi memastikan cuma pita-pita rakaman video yang telah ditapis oleh Lembaga Penapis Filem sahaja yang diedar atau diperniagakan di pusat-pusat video yang berkenaan. Saya percaya tindakan yang diambil sekarang akan mencegah berlakunya akibat-akibat buruk daripada pita-pita rakaman video ini. Dalam pada itu saya tegaskan di sini iaitu adalah menjadi tanggungjawab rakyat terutamanya ibubapa untuk sama-sama mencegah berlakunya pengedaran atau penayangan pita-pita rakaman video yang bertentangan dengan nilai-nilai akhlak yang mulia, ketenteraman awam dan keselamatan negara dengan mengawasi anak-anak mereka di rumah mereka masing-masing.

Saya suka mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Labuk Sugut yang telah memberi sokongan kepada Kerajaan kerana memberi peruntukan yang lebih untuk pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Sememangnya Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap keselamatan dalam negeri bagi menjamin keamanan dan ketenteraman awam untuk membolehkan pembangunan negara berjalan dengan lancar dan pesat.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

4.56 ptg.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara di bawah bidangkuasa Kementerian saya semasa membahaskan Belanjawan 1984 yang dibentangkan baru-baru ini. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu mengenai perkara yang disentuh tetapi sebaliknya saya akan memberi gambaran yang menyeluruh tentang program-program yang akan dijalankan oleh Kementerian ini yang merangkumi sebahagian besar perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal perumahan kos rendah dalam tahun 1984. Sememangnya benar bahawa sekiranya Kerajaan hendak membina rumah awam kos rendah seperti yang disasarkan peruntukan sebanyak \$340 juta itu tidaklah mencukupi. Peruntukan tersebut ialah hanya untuk membina projek-projek yang

sedang berjalan. Bukannya untuk projek yang masih belum ditender. Walau bagaimanapun, oleh kerana Kerajaan terpaksa mengurangkan kos perbelanjaan sama ada perbelanjaan untuk mengurus ataupun perbelanjaan projek-projek pembangunan maka projek-projek perumahan awam kos rendah yang belum ditender terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya buat sementara waktu.

Walaupun demikian, pencapaian kemajuan pelaksanaan projek setakat 30hb September, 1983 didapati sebanyak 39,086 iaitu 22.8% telah siap dibina, 26,185 ataupun 15.2% adalah dalam peringkat binaan pembangunan. 82,981 unit ataupun 48.3% dalam peringkat awal pelaksanaan dan 10,704 unit atau 6.2% adalah tapak belum diukur. Kemajuan ini adalah termasuk semua negeri di Semenanjung Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan di mana unit-unit keseluruhannya ialah sebanyak 158,956 unit. Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan mengswastakan sebahagian daripada projek-projek perumahan awam kos rendah yang boleh ditenderkan dan sekarang berada dalam peringkat menyediakan pelan teratur. Dengan cara demikian masalah peruntukan yang tidak mencukupi dapat diatasi di samping melibatkan pihak swasta dalam pelaksanaan projek-projek perumahan kos rendah.

Tuan Yang Dipertua, mengenai pembinaan rumah kos rendah sederhana sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kementerian saya sememangnya memberi galakan kepada pemaju-pemaju swasta supaya membina lebih banyak rumah kos sederhana memandangkan permintaan datangnya daripada sebahagian besar bakal pembeli-pembeli rumah untuk rumah kos

sederhana. Keadaan ini disebabkan oleh rumah kos rendah berharga di antara \$25,000 hingga \$50,000 seunit dan kos rumah sederhana tinggi berharga di antara \$50,000 hingga \$100,000 seunit adalah mampu dibeli oleh sebahagian daripada bakal pembeli-pembeli rumah. Memandangkan lebih kurang 40% daripada rakyat Malaysia berpendapatan di antara \$800 hingga \$2,499 sebulan. Sebaliknya hanya 20% sahaja daripada rakyat Malaysia berpendapatan lebih daripada \$2,500 sebulan. Mereka ini ialah yang mampu membeli rumah-rumah yang berharga lebih daripada \$100,000 seunit, tetapi sebahagian besar daripada mereka telah pun memiliki rumah daripada golongan ini. Namun demikian, pemaju-pemaju swasta masih lagi melaksanakan projek rumah kos tinggi melebihi daripada permintaan atau kemampuan pembeli-pembeli rumah di pasaran.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan kesulitan yang dihadapi oleh pemaju-pemaju swasta yang terpaksa memikul beban faedah bank yang semakin tinggi dan kos kendalian tersembunyi kerana rumah yang dibina oleh mereka tidak terjual dalam satu atau dua tahun. Masalah ini tidak dihadapi oleh sebahagian dari pemaju-pemaju swasta yang lebih berhati-hati di mana mereka telah mengadakan kajian kemungkinan terlebih dahulu untuk mengetahui viability satu-satu projek itu. Ini jelas terbukti daripada rekod Kementerian yang menunjukkan bahawa terdapat pertambahan dalam pengeluaran lesen pemaju perumahan swasta pada tahun 1981 sehingga Oktober 1983. Dalam tahun 1981 sebanyak 546 lesen telah dikeluarkan. Pada tahun 1982 sebanyak 666 lesen dan sehingga Oktober 1983 sebanyak 625 lesen telah dikeluarkan. Pertambahan bilangan lesen pemaju perumahan yang telah dikeluarkan itu

menunjukkan bahawa pemaju perumahan di Malaysia semakin bertambah walaupun dalam keadaan ekonomi negara yang meleset.

Maksud saya di sini ialah pemaju-pemaju swasta perlulah mengambil kira kemampuan pembeli-pembeli rumah bagi kawasan yang hendak dimajukan dan yang lebih penting lagi ialah keperluan sesuatu tempat. Sekiranya di satu kawasan pemaju swasta membina lebih rumah daripada keperluan perumahan maka sudah tentulah timbul masalah rumah yang tidak terjual. Begitu juga sekiranya pemaju swasta hanya memikirkan keuntungan besar yang dapat diperolehi dengan membina rumah kos tinggi yang luar daripada kemampuan bakal pembeli.

Oleh yang demikian, sekiranya ada pemaju swasta yang menghadapi kerugian besar ini adalah satu risiko yang mereka perlu tanggung sendiri kerana tidak dapat membuat kajian yang mendalam sebelum melaksanakan projek mereka. Sekiranya pemaju swasta melaksanakan lebih banyak rumah kos sederhana mereka tidak akan menghadapi kesulitan untuk menjual rumah tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengulas sedikit tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan yang mencadang supaya Kerajaan membiayai bersama pemaju swasta dalam kos penyediaan infrastruktur utama bagi kawasan rumah-rumah kos rendah. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bagi projek rumah awam kos rendah Kerajaan sememangnya memberi subsidi kepada kos infrastruktur bagi projek-projek yang terletak di bandar-bandar besar yang akan disewa kelak. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan bermaksud dalam cadangannya supaya bagi projek perumahan sektor

swasta Kerajaan juga bersama membiayai kos infrastruktur, ingin saya menjelaskan bahawa Kerajaan tidaklah dapat menanggung beban kewangan yang banyak itu. Lagi pun mengikut dasar yang diturunkan untuk diamalkan oleh tiap-tiap negeri pemaju swasta mestilah membina 30% daripada unit yang akan dilaksanakan dalam bentuk rumah kos rendah. Ini bermakna dalam pelan tata-atur yang dimajukan kepada Kerajaan Tempatan pemaju swasta mestilah menunjukkan sebahagian daripada unit yang dibina itu adalah jenis rumah kos rendah.

Oleh yang demikian, atas sebab-sebab yang tersebut tadi Kerajaan tidak bercadang untuk menanggung sebahagian daripada kos infrastruktur bagi rumah kos rendah yang dilaksanakan oleh pemaju swasta. Adalah memadai Kerajaan mengambil tindakan untuk mempercepatkan proses kelulusan tukar syarat tanah dan kelulusan pelan tata-atur serta pelan bangunan.

Sebagaimana sumbangan pemaju swasta terhadap penyediaan rumah terutamanya rumah kos rendah Kerajaan berharap pemaju swasta dapat memenuhi hasrat Kerajaan dengan mengamalkan kos subsidi supaya rumah kos rendah yang dibinanya itu adalah dalam lingkungan kemampuan rakyat berpendapatan rendah iaitu dengan kos seunit tidak melebihi \$25,000. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya jemput Kementerian Kerja Raya.

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Dato Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat terhadap

perkara-perkara tertentu di bawah Kementerian saya ketika membahaskan ucapan Belanjawan 1984. Sepanjang perbahasan itu saya dapati ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah menumpukan kepada beberapa perkara seperti berikut, terutamanya pembinaan jalan raya dan jambatan-jambatan, pemberian tawaran kepada kontraktor-kontraktor dari luar negeri dan perkara-perkara berkaitan dengan bekalan air.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai pembinaan jalan-jalan raya dan jambatan-jambatan, suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus meninggikan lagi taraf jalan-jalan raya dan jambatan-jambatan di seluruh negara ini. Selain daripada pembinaan jalan-jalan raya baharu Kerajaan juga mempunyai rancangan-rancangan tertentu untuk meninggikan lagi taraf dan pembaikan jalan-jalan raya yang sedia ada. Dalam melaksanakan dasar ini Kerajaan juga mengambil perhatian ke atas keperluan tiap-tiap negeri dan Wilayah dalam negara ini.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan supaya pembinaan jambatan Kinabatangan dan Lebuhraya Sandakan/Lahad Datu, suka saya memaklumkan bahawa rekabentuk projek-projek itu telah pun disiapkan dan senarai pemborong-pemborong yang layak untuk menjalankan projek-projek itu telah pun disiapkan.

Sekiranya keadaan kewangan mengizinkan pelaksanaan projek ini akan dimulakan pada pertengahan tahun hadapan. Begitu juga tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Betong dan Ahli Yang Berhormat dari Julau, Sarawak, sepertimana yang telah diterangkan dalam Dewan yang mulia

ini adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk meninggikan taraf dan membaiki jalan-jalan raya di seluruh negara termasuklah jalan-jalan raya di negeri Sarawak. Kerja membaiki dan meninggikan mutu jalan-jalan raya itu sedang dijalankan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan keupayaan kewangan yang dapat disediakan dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan wang sebanyak \$129 juga bagi pembinaan jalan-jalan raya sepanjang 777 kilometer di Sarawak dan peruntukan ini telah bertambah kepada \$292 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk pembinaan sepanjang 1,000 kilometer jalan raya. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat pula sebanyak \$281 juta telah diperuntukkan untuk membina sepanjang lebih kurang 763 kilometer jalan dan jalan raya.

Berhubung dengan soal pemberian tawaran kepada kontraktor-kontraktor dari luar negeri, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah pun menerangkan bahawa Kerajaan sekarang ini sedang mengambil tindakan untuk menghadkan penyertaan kontraktor-kontraktor luar negeri di negeri ini. Dalam pada itu Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk meminda perjanjian kontraktor antarabangsa iaitu dengan mensyaratkan supaya kontraktor-kontraktor bumiputera diberi keutamaan bagi mengendalikan kerja-kerja kecil dalam kontrak berkenaan.

Berhubung dengan perkara sistem "turnkey", pihak Yunit Penyertaan Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri sentiasa membuat semakan dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa kontraktor-kontraktor tempatan khususnya kontraktor-kontraktor bumiputera juga akan diberi peluang

untuk melaksanakan kerja-kerja kecil dalam sistem "turnkey" itu. Dengan itu adalah jelas bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi perjalanan kontrak-kontrak antarabangsa dan memastikan yang ianya dikendalikan mengikut dasar-dasar Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan beberapa syor berkaitan dengan perkara bekalan air. Dalam hal ini saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan telah melaksanakan projek-projek yang tertentu untuk memenuhi keperluan bekalan air di seluruh negara. Beberapa projek tambahan juga sedang dirancang untuk keperluan masa dan akan datang juga. Atas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan supaya membina ampangan Sungai Ulu Kinabatangan, suka saya memaklumkan bahawa kajian pra kemungkinan projek ini telah pun dilaksanakan. Kajian ini telah menunjukkan ada potensi bagi Sungai Ulu Kinabatangan untuk membekalkan air Jan tenaga elektrik serta bagi keperluan pertanian dan lain-lain lagi. Kerajaan telah mengambil perhatian tentang potensi-potensi ini dan projek-projek tertentu akan dilaksanakan setakat mana keadaan kewangan negara mengizinkan.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi teguran dan pandangan mengenai perkara-perkara berkenaan dengan Kementerian saya. Saya memberi jaminan bahawa segala teguran dan pandangan itu akan tetap diberi perhatian dan kajian mendalam dan jika didapati sesuai akan dilaksanakan atau dijadikan panduan untuk pentadbiran Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengemukakan cadangan dan pendapat mengenai bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Izinkan saya untuk memberi ulasan kepada beberapa cadangan dan pendapat tersebut.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah bangun untuk membahaskan soal perdagangan antarabangsa dan menyeru Kerajaan supaya mempertingkatkan lagi eksport serta memperluaskan lagi pasaran di negara-negara dunia ketiga yakni negara-negara sedang membangun sejajar dengan matlamat dialog Selatan-Selatan. Sukacita saya memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sememangnya telah pun mengambil langkah-langkah ke arah ini. Langkah-langkah ini boleh dibahagikan kepada dua kategori:

- (i) Kegiatan-kegiatan secara langsung sama ada melalui Kementerian saya mahupun agensi-agensi Kerajaan yang lain; dan
- (ii) Insentif-insentif yang melibatkan pemberian kemudahan-kemudahan kewangan kepada pengeksporth-pengeksporth Malaysia.

Kegiatan galakan eksport secara langsung adalah melibatkan program-program penghantaran rombongan perdagangan ke luar negeri dan penyertaan di dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa.

Penghantaran rombongan-rombongan perdagangan ini bukan sahaja ke pasaran tradisional malahan ke negara-negara membangun untuk mencari pasaran-pasaran baru seperti negara-negara Asia Barat, Eropah Timur dan rantau Asia dan Pasifik. Program seumpama ini didapati amat berkesan bukan sahaja untuk mempertingkatkan pasaran eksport malahan mewujudkan hubungan secara langsung antara pengeksporth Malaysia dan pengimport luar negeri. Di samping itu juga pengusaha-pengusaha kita dapat mengetahui sejauh mana barang-barang keluaran mereka boleh bersaing dan seterusnya dapat mengambil langkah untuk membolehkan barangan Malaysia terus bersaing dengan barangan keluaran negara-negara ketiga dan negara-negara maju di pasaran antarabangsa.

Di samping rombongan perdagangan anjuran Kementerian, ahli-ahli pedagang telah juga menyertai rombongan-rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara membangun untuk meluaskan pasaran barangan keluaran Malaysia.

Perwakilan Perdagangan Malaysia di seberang laut adalah juga sebahagian dari kegiatan-kegiatan untuk mempertingkatkan eksport Malaysia. Pejabat-pejabat Perdagangan bukan sahaja bertindak sebagai wakil Kerajaan malahan menjadi penghubung antara pengeksporth Malaysia dan pengimport luar negeri. Di samping itu kajian-kajian pasaran bagi menentukan potensi barangan Malaysia juga terus diberi keutamaan dan penekanan.

Kementerian saya memang menyedari tentang masalah-masalah untuk mempertingkatkan eksport di pasaran luar negeri. Antara masalah-masalah tersebut termasuklah halangan-halangan tarif dan bukan tarif, sekatan kuota, cukai-cukai dan

pelesenan import, yang dikenakan terutamanya oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah, Australia, Jepun dan sebagainya. Malaysia mempunyai saluran-saluran dan pendekatan-pendekatan tertentu untuk memperbaiki keadaan ini umpama mengadakan perbincangan-perbincangan secara dua hala, Kumpulan Serantau ASEAN dan berbagai hala.

Menyedari tentang potensi dan hakikat perlunya kita mengeratkan kerjasama ekonomi dan perdagangan sesama negara membangun, Kerajaan terus menyokong dan menyertai Konsep Kerjasama Ekonomi di kalangan negara-negara membangun dan dialog Selatan-Selatan. Di samping itu di peringkat ASEAN pula kita akan terus mempertingkatkan dan menambah komoditi-komoditi yang diberi layanan istimewa di bawah Peraturan Perdagangan Istimewa.

Kemajuan dan hasil skim PTA ini amat membanggakan di mana sejak Perjanjian skim ini ditandatangani iaitu pada tahun 1977, cuma 71 jenis barangan sahaja, tetapi hari ini sebanyak 15,000 jenis barangan telah pun diberi layanan istimewa. Malaysia telah berjaya meningkatkan dua kali ganda perdagangannya dengan negara-negara ASEAN melalui skim PTA ini.

Pada masa ini Kerajaan telah melaksanakan satu sistem perdagangan baru yang dikenali dengan sistem dagangan secara "counter-trade", yang merupakan peraturan perdagangan tambahan kepada cara dagangan yang diamalkan sekarang. Tujuan pelaksanaan sistem perdagangan ini ialah untuk menggalak dan menambahkan lagi dagangan dengan pasaran tradisional di samping mencari dan menembusi pasaran-pasaran baru.

Satu unit khas counter-trade telah pun ditubuhkan di Kementerian saya, yang berfungsi sebagai, dengan izin, "Information clearing house" mengenai "counter-trade" dan akan memberi nasihat dan panduan mengenai pelaksanaan "counter-trade" itu.

Setakat ini urusan perdagangan secara counter-trade telah dilaksanakan dengan negara-negara Korea Selatan bersabit dengan pembelian dua buah offshore petrol vessels, dengan izin, dan juga Yugoslavia berkaitan dengan pembelian alat-alat yang diperlukan oleh Lembaga Letrik Negara. Hasil dari lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Brazil dalam bulan Oktober yang lepas, Malaysia juga telah mengadakan urusan perdagangan secara counter-trade dengan negara tersebut. Di samping itu, urusan perdagangan secara counter-trade ini juga sedang dan akan giat dilaksanakan, terutamanya berkaitan dengan tender-tender yang dikeluarkan oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang melibatkan penender-penender dari negara-negara asing, di samping urusan-urusan counter-trade yang dijalankan oleh syarikat-syarikat persendirian.

Kerjasama yang erat antara sektor Kerajaan dan swasta amatlah perlu khususnya berhubung dengan usaha-usaha untuk mempertingkatkan eksport dan meluaskan pasaran barangan di luar negeri. Untuk tujuan ini Kementerian saya telah pun menubuhkan Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) dan Pusat ini adalah bertanggungjawab membantu pekilang dan pengeksport tempatan yang benar-benar mempunyai minat dan kemampuan untuk mencari dan mempelbagaikan eksport ke luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, sementara itu Kerajaan akan terus melaksanakan dan memperbaiki skim-skim insentif dan kemudahan-kemudahan kewangan kepada pengeksporth-pengeksporth. Skim-skim galakan eksport seperti elaun eksport dan sebagainya adalah juga merupakan usaha Kerajaan untuk meningkatkan eksport dan memperbaiki perdagangan luar Malaysia. Penghapusan duti eksport buah-buahan seperti yang diumumkan dalam cadangan Belanjawan 1984 adalah di antara langkah terbaharu untuk meningkatkan lagi pengeksporth hasil Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ada membangkitkan soal sikap protectionism oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, EEC dan Jepun dan kesannya kepada Malaysia dari segi perdagangan antarabangsa. Sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan memangnya sedar dan terus berusaha untuk menggesa negara-negara tersebut untuk menghapuskan segala bentuk sekatan perdagangan tarif dan bukan tarif. Ini kerana dasar perlindungan perdagangan itu adalah merupakan satu penghalang besar kepada pertumbuhan eksport barang-barang buatan industri Malaysia dan negara-negara membangun yang lain.

Untuk mengatasi atau sekurang-kurangnya meminimalkan kesan dari dasar perlindungan perdagangan ini, kita akan terus menggunakan saluran-saluran dan forum-foram antarabangsa seperti UNCTAD dan GATT, untuk menyampai penentangan dan gesaan sementara di peringkat serantau pula bantahan dan gesaan terus dikemukakan kepada negara-negara maju melalui Forum ASEAN-EEC, Forum ASEAN-Jepun dan sebagainya.

Kerajaan, khususnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, memang bersetuju dengan syor Yang

Berhormat Wakil dari Sungai Petani itu supaya kita lebih berwaspada untuk menghadapi dan mengatasi tekanan atau kesan dari dasar-dasar Perlindungan perdagangan itu.

Tuan Yang Dipertua, soal Industri Kecil juga turut disentuh oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Kepong telah mendesak Kerajaan supaya menggubal satu dasar industri yang komprehensif yang berdasarkan industri kecil dan pertengahan dengan menggunakan sumber-sumber asli terutamanya bagi membuat barang-barang makanan, perabot, jaring perikanan, pakaian dan lain-lain.

Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya sememangnya menggalakkan perkembangan industri kecil. Banyak agensi-agensi Kerajaan yang memberikan bantuan-bantuan baik di bidang teknikal, khidmat nasihat dan kewangan bergiat untuk memberikan galakan-galakan dan bantuan-bantuan yang tertentu bagi perkembangan sektor ini. Malahan melalui Bank Negara, Bank-bank Perdagangan juga dimestikan untuk memberi pinjaman-pinjaman kepada sektor perusahaan kecil.

Dari segi penekanan yang diberikan penglibatan di bidang industri kecil ini memanglah digalakkan untuk orang-orang tempatan yang bukan sahaja menggunakan sumber-sumber asli yang terdapat tetapi yang lebih pentingnya untuk memenuhi keperluan-keperluan tempatan. Di antara industri-industri yang diberikan galakan untuk diterokai oleh usahawan-usahawan kecil termasuklah industri makanan, industri yang berasaskan kayu dan rotan, industri kejuruteraan ringan dan industri bahan-bahan binaan. Kementerian saya sedang melaksanakan satu skim "master plan" untuk pembangunan perindustrian di negara ini yang akan dijadikan sebagai panduan untuk

perkembangan sektor ini di masa-masa hadapan. Dalam menyediakan garis panduan ini perhatian adalah juga diberikan kepada industri-industri kecil dan pertengahan bagi membolehkan satu garis panduan yang komprehensif diadakan.

Tuan Yang Dipertua, mengenai jumlah wang sebanyak \$300 juta yang terkumpul di Bank-bank Perdagangan yang masih belum lagi dipinjamkan kepada usahawan-usahawan Bumiputera; dan juga mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jerai berkenaan dengan perkara ini, sukacita saya memaklumkan di sini bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan bagi Pembangunan Perusahaan Kecil. Melalui Jawatankuasa ini arahan telah dibuat supaya dijalankan satu kajian bagi menentukan sebab-sebabnya sejumlah besar wang yang diperuntukkan oleh Bank-bank Perdagangan untuk pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil Bumiputera masih belum lagi dilaksanakan. Hasil kajian ini akan dijadikan garis panduan untuk menentukan peruntukan yang disediakan akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha kecil Bumiputera yang layak.

Kementerian saya juga melalui kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain terlibat di dalam membangunkan perusahaan kecil, sedang berusaha untuk mengadakan strategi-strategi dan program-program untuk membangunkan perusahaan-perusahaan kecil Bumiputera. Melalui strategi pendekatan bersepadu, usahawan-usahawan kecil akan diberi bantuan kewangan, khidmat nasihat, aspek-aspek teknikal dan juga pasaran bagi menentukan projek-projek yang dijalankan akan berjaya. Malahan usaha-usaha sedang dijalankan untuk

membangunkan kawasan-kawasan tapak perindustrian kecil untuk menampung keperluan mereka.

Kementerian saya juga sedang berusaha untuk mengenalpasti jenis-jenis keluaran yang dapat dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha kecil dengan bertujuan untuk mengkhaskannya supaya tidak dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha besar. Melalui skim ini, penentuan-penentuan yang berhubung dengan mutu dan keutamaan penggunaan bahan-bahan mentah yang terdapat di dalam negeri adalah diberikan keutamaan. Kementerian saya juga sentiasa menggalakkan usahasama-usahasama di antara pengusaha-pengusaha kecil tempatan dengan pengusaha-pengusaha luar negeri. Salah satu daripada usahasama yang dijalankan ialah dengan mengaturkan pertemuan-pertemuan di antara pengusaha-pengusaha kecil dengan pengusaha-pengusaha asing di luar negeri ataupun perjumpaan-perjumpaan di dalam negeri semasa lawatan oleh pengusaha-pengusaha asing ke Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal dasar perindustrian negara. Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan Rancangan Pelan Induk Perindustrian jangka panjang. Sukacita saya memaklumkan bahawa Pelan Induk Perindustrian yang sedang dijalankan oleh Kerajaan telah pun mengambil kira cadangan Yang Berhormat itu supaya strategi perindustrian Kerajaan menitikberatkan industri-industri berdasarkan eksport.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, adalah diharapkan supaya Pelan ini akan mengenalpasti industri-industri yang harus digalakkan serta mencadangkan strategi pelaksanaannya dengan mengambil

kira dasar Kerajaan yang sedia ada. Kajian Pelan Induk Perindustrian ini meliputi 4 bidang iaitu:

- (1) Analisa dan penilaian bahan-bahan mentah dan sumber-sumber asli yang wujud untuk diproses bagi tujuan eksport;
- (2) Analisa dan penilaian kemudahan-kemudahan infrastruktur serta peraturan-peraturan untuk menentukan kesesuaian dan perubahan yang diperlukan bagi menerima aktiviti perindustrian yang lebih pesat hasil dari syor-syor kajian Pelan Induk.
- (3) Kajian khas dalam 5 bidang yang berkaitan rapat dengan pembangunan perindustrian iaitu keperluan tenaga mahir, industri linkages, dengan izin, keperluan teknologi, insentif-insentif dan pembangunan industri berat; dan
- (4) Kajian terhadap 14 sektor-sektor industri dalam dua kumpulan: kumpulan pertama meliputi sektor yang berasaskan sumber-sumber asli dan kumpulan kedua dalam sektor-sektor yang lain.

Saya suka juga ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa memang menjadi hasrat Kerajaan untuk bekerjasama dengan pihak swasta dari peringkat awal lagi dalam penyediaan Pelan Induk Perindustrian ini, selaras dengan dasar Kerajaan di bawah Malaysia Incorporated.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan supaya galakan diberikan kepada industri berteknologi tinggi. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang menggalakkan penubuhan industri-industri yang berteknologi tinggi dan persisi. Ini termasuk industri-industri yang mengeluarkan

komputer. Pada masa ini, industri-industri ini diberikan pertimbangan yang liberal untuk mendapatkan insentif di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968. Di samping itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan insentif untuk penyelidikan dan pembangunan bagi kumpulan industri ini. Juga, syarikat-syarikat yang mengeluarkan keluaran-keluaran berteknologi tinggi adalah juga layak mendapat elaun bangunan perindustrian untuk bangunan yang digunakan bagi tujuan penyelidikan iaitu sebanyak 10% elaun permulaan dan tambahan 2% elaun tahunan.

Tuan Yang Dipertua, mengenai cadangan Yang Berhormat daripada Padang Rengas, Kerajaan memang sedar tentang pentingnya menentukan penaburan projek-projek perkilangan supaya lebih seimbang di antara kawasan-kawasan yang maju dan kurang maju. Untuk menggalakkan pelaburan ke kawasan-kawasan kurang maju, Kerajaan akan terus memberikan galakan yang menarik kepada projek-projek perindustrian yang ditempatkan di kawasan-kawasan yang sedemikian. Untuk mencapai objektif penyelerakan inilah maka skim Galakan Tempat Kedudukan diadakan. Hasil daripada usaha Kerajaan untuk menyelerakkan industri di kawasan kurang maju dapat diperhatikan bahawa di antara Januari-September, 1983, dari 237 projek perindustrian yang diluluskan 94 daripadanya telah pun ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju. Ini merupakan hampir 40% dari jumlah kelulusan yang ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju. Projek-projek tersebut dijangka akan melabur modal sebanyak \$547 juta dan mewujudkan 10,002 peluang pekerjaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah mencadangkan supaya syarikat-syarikat pemasang kereta diberi masa untuk menambah penggunaan

komponen tempatan. Ini berikutan dari kenaikan cukai import CKD serta kebimbangan yang mereka akan hadapi dengan terlaksananya projek kereta kebangsaan agar mereka tidak akan gulung tikar.

Saya suka menjelaskan bahawa usaha Kerajaan setakat ini untuk meningkatkan penggunaan komponen tempatan tidak mencapai hasil yang memuaskan. Semenjak aktiviti pemasangan bermula hampir 15 tahun dahulu, ia menghasilkan hanya 10 jenis komponen tempatan sahaja dengan kos pengeluaran yang agak tinggi. Kementerian saya menyedari bahawa penggunaan komponen tempatan yang lebih luas adalah terhad kerana terdapatnya banyak jenis buatan dan model-model yang dipasang. Pengeluar-pengeluar komponen menghadapi kesukaran kerana tidak terdapat keseragaman komponen yang diperlukan oleh berbilang jenis buatan dan model kereta.

Pada seketika ini 8 buah kilang mengendalikan pemasangan 14 jenis kereta penumpang dengan 65 jenis model kesemuanya. Jumlah kereta yang dipasang telah meningkat daripada 64,293 buah dalam tahun 1978 kepada 87,822 buah dalam tahun 1982. Jumlah yang dipasang untuk tempoh Januari hingga September 1983 ialah 73,541 buah berbanding dengan 61,411 buah untuk tempoh yang sama pada tahun 1982, iaitu bertambah sebanyak 19.8% walaupun cukai import CKD sebanyak 15% telah pun diperkenankan buat pertama kalinya pada bulan Oktober 1982. Pasaran kereta penumpang pula termasuk kereta-kereta siap yang diimport adalah dalam lingkungan 100,000 buah setahun pada ketika ini.

Memandangkan pasaran kereta sentiasa meningkat dan sumbangannya kepada pembangunan industri komponen adalah terhad, adalah wajar untuk Kerajaan

melaksanakan projek kereta kebangsaan. Dengan adanya keseragaman model serta jumlah pengeluaran yang besar, peluang untuk membangunkan industri komponen akan menjadi luas dan lebih memberi faedah kepada negara berbanding dengan keadaan yang wujud sekarang ini. Kerajaan berpendapat bahawa kebimbangan syarikat-syarikat pemasangan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit tidak seharusnya timbul. Mereka akan boleh terus beroperasi kerana projek kereta kebangsaan tidak berupaya untuk memenuhi kesemua keperluan pasaran. Berdasarkan kepada pertumbuhan pasaran dengan kadar 8% setahun, kereta kebangsaan dijangka akan memenuhi 18% atau 19,000 buah daripada pasaran berjumlah 104,000 buah pada tahun pertama pengeluarannya iaitu pada pertengahan kedua tahun 1985. Pengeluarannya akan bertambah secara berperingkat kepada 68% atau 95,000 buah daripada pasaran berjumlah 139,000 buah pada tahun 1990 dan seterusnya menurun kepada 59% atau 120,000 buah pada tahun 1995 apabila ia mencapai kapasiti maksimumnya berbanding dengan pasaran yang diramalkan berjumlah 204,000 buah. Dengan ini syarikat-syarikat pemasangan kereta tidak seharusnya bimbang kerana mereka akan terus mempunyai ruangan dalam pasaran yang sentiasa meningkat.

Tuan Yang Dipertua, mengenai cadangan Yang Berhormat daripada Kinabatangan supaya negeri Sabah diberi "exposure" kepada pelabur-pelabur asing, saya rasa negeri Sabah sudah pun diberikan "exposure". Sebagai contohnya di antara 1968-1982, negeri Sabah telah berjaya menarik pelaburan tempatan dan asing dengan mendapat 287 projek-projek perindustrian yang telah diberikan kelulusan. Dari segi

bilangan projek negeri Sabah kini menduduki tempat kelima di antara negeri-negeri lain iaitu selepas Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Perak. Adalah diharap dengan penyertaan wakil-wakil daripada negeri di misi-misi pelaburan yang dianjurkan oleh Kementerian melalui MIDA di masa-masa yang akan datang serta dengan penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang memuaskan lebih ramai lagi pelabur-pelabur akan berminat untuk melabur di negeri Sabah, tambahan pula dengan adanya sumber-sumber bahan mentah yang banyak di negeri tersebut.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Tumpat telah meminta pihak Kerajaan menentukan harga-harga barang-barang yang diberi kelonggaran cukai semasa belanjawan 1984 dikuatkuasakan. Adalah dimaklumkan bahawa pelepasan atau penurunan kadar duti import ataupun cukai jualan dan cukai tokok yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan belanjawan tahun 1984 yang lepas tidak semuanya melibatkan barang-barang kawalan. Bagi barang-barang kawalan tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi memastikan penurunan harga mengikut kadar yang telah pun ditetapkan. Bagi barang-barang bukan kawalan, pemeriksaan juga akan dilakukan oleh Kementerian ini untuk menentukan kadar penurunan harga adalah bersesuaian dengan kadar penurunan cukai yang telah pun ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Bachok telah membangkitkan persoalan mengenai kemungkinan harga runcit barang-barang petroleum diturunkan. Sukacita saya memaklumkan bahawa harga runcit barang-barang petroleum

itu iaitu petrol regular, premium, diesel, minyak tanah dan LPG ditetapkan berdasarkan formula Mekanisma Harga Barang-barang Petroleum. Faktor-faktor yang diambilkira untuk menentukan harga runcit barang-barang petroleum ialah:

- (i) product postings di Singapura;
- (ii) kadar pertukaran matawang US dollar dengan Ringgit Malaysia;
- (iii) kos operasi;
- (iv) kadar keuntungan;
- (v) komisyen pengedar; dan
- (vi) cukai/subsidi.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mengkaji perubahan-perubahan "product postings" dan kadar pertukaran matawang US Dollar/Ringgit Malaysia pada tiap-tiap bulan. Jika terdapat perubahan yang memerlukan harga runcit barang-barang petroleum diubahsuai, Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk berbuat demikian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, harga runcit barang-barang petroleum di negara kita adalah lebih murah jika dibandingkan dengan harga-harga di negara-negara jiran kecuali bagi harga-harga di negara Indonesia sahaja.

Ahli Yang Berhormat daripada Jasin ada mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji syarikat-syarikat yang maju dan juga syarikat-syarikat yang gagal untuk dijadikan panduan kepada orang ramai. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian saya akan mengambil perhatian di atas perkara ini.

Tuan Yang Dipertua, sekianlah ulasan-ulasan saya terhadap syor-syor dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan sebahagian daripada

syor-syor dan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya beri ulasan adalah diambil perhatian. Dan sekali lagi saya suka mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah pun memberi pandangan mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Kementerian Pengangkutan.

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian saya semasa membahaskan Rang Undang Perbekalan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 21hb Oktober, 1983 yang lalu.

Pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah pasti akan membantu kami untuk melaksanakan program-program dan projek-projek yang telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pengangkutan di dalam objektifnya untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan yang cekap, ekonomik dan berkesan di negara ini. Untuk mencapai objektif ini strategi belanjawan Kementerian Pengangkutan dalam tahun 1984 adalah seperti berikut:

(i) Memperbaiki sistem pengangkutan yang sedia ada selaras dengan kehendak sosio-ekonomi negara;

(ii) Mempertingkatkan kecekapan agensi-agensi serta Jabatan-jabatan di bawah Kementerian melalui penyelarasan dan pengawasan supaya objektif Kementerian tercapai; dan

(iii) Memesatkan pembangunan lapangan terbang-lapangan terbang, pelabuhan-pelabuhan dan Keretapi Tanah Melayu selaras dengan matlamat dan cita-cita negara.

Berdasarkan kepada kepentingan-kepentingan pengangkutan yang berkembang dengan pesatnya, maka Kementerian Pengangkutan dan Agensi-agensi serta Jabatan-jabatan di bawahnya telah pun diperuntukkan sebanyak \$88.1 juta bagi Belanja Mengurus tahun 1984. Ianya juga telah diperuntukkan dengan Belanja Pembangunan sebanyak \$645.7 juta. Oleh itu, jumlah keseluruhan peruntukan Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Pengangkutan dan Agensi-agensi serta Jabatan-jabatan di bawahnya ialah sebanyak \$733.8 juta. Jika dibandingkan dengan tahun 1983 jumlah Belanja Mengurus Kementerian Pengangkutan bagi tahun 1984 merupakan pertambahan sebanyak \$11.8 juta atau 15.5%. Berikutan dengan kemelesetan ekonomi, kebanyakan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan telah diberi Belanja Mengurus yang kurang atau sama dengan jumlah yang diluluskan untuk tahun 1983. Namun demikian, oleh kerana Kementerian Pengangkutan dan Agensi-agensi serta Jabatan-jabatan di bawahnya memberi perkhidmatan-perkhidmatan sosio-ekonomi yang penting, maka ianya telah diberikan peruntukan Belanja Mengurus yang melebihi peruntukan tahun 1983.

Kementerian ini dan Jabatan-jabatan di bawahnya telah dan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengawal dengan rapi semua perbelanjaan mengurus supaya dapat mengurangkan sejauh mana yang boleh perbelanjaan-perbelanjaan ini, tetapi dengan tidak mengurangkan mutu perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai.

Peruntukan pembangunan untuk Kementerian Pengangkutan dan Agensi-agensi serta Jabatan-jabatan di bawahnya telah dikurangkan daripada \$1,063.6 juta pada tahun 1983 kepada \$648.7 juta dan ini merupakan pengurangan sebanyak 39.3%. Pengurangan peruntukan pembangunan adalah akibat daripada kemelesetan ekonomi negara dan jumlah peruntukan yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk menampung projek-projek yang sedang dilaksanakan.

(Tuan Yang Dipertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, sekarang izinkan saya menjelaskan beberapa perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan Tampin, Kementerian saya sedang mengkaji cadangan untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu dalam konteks kajian rancangan pembangunan keretapi yang sedang dijalankan sekarang. Kajian dasar dan kesan dari segi konsep pengswastaaan ini telah pun disediakan oleh Keretapi Tanah Melayu dan ianya sedang dipertimbangkan. Pelaksanaan dasar pengswastaaan ini adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Oleh hal yang demikian, kaum bumiputera akan turut digalakkan untuk mengambil bahagian dalam peluang-peluang yang akan timbul akibat daripada pengswastaaan Keretapi Tanah Melayu.

Kementerian saya mengambil perhatian pendapat Ahli Yang Berhormat dari Tampin bahawa pihak Keretapi Tanah Melayu digalakkan memasuki ke bidang-bidang lain seperti real estate, industri-industri, restoran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya

berpendapat bahawa pendapat tersebut harus dikaji dengan lebih mendalam lagi sebelum pelaksanaan dilakukan.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah berucap berkenaan dengan industri perkapalan negara ini dan kepada langkah-langkah untuk membantu industri tersebut telah diumumkan di dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyatakan bahawa galakan cukai yang diberikan dalam Belanjawan 1984 bukanlah satu penyelesaian kepada masalah "overtonnage". Saya suka maklumkan bahawa tujuan memberi galakan cukai bukanlah untuk mengatasi masalah "overtonnage", masalah itu adalah dikaji oleh Lembaga Pelesenan Perkapalan dalam negeri yang telah ditubuhkan untuk mengawal aktiviti perkapalan dalam negeri dengan melesenkan kapal-kapal yang mengangkut kargo atau penumpang antara dua pelabuhan di Malaysia. Galakan cukai yang diumumkan adalah sebagai tambahan kepada galakan-galakan yang telah diumumkan pada tahun-tahun yang lalu, iaitu untuk membantu industri perkapalan yang dianggap masih muda di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah juga memberi pandangan bahawa pengecualian cukai pendapatan bagi pelaut-pelaut yang bertugas di atas kapal-kapal yang belayar dalam perairan tempatan hanya bermakna jika Kerajaan boleh memastikan bahawa lebih ramai pelaut-pelaut Malaysia bertugas dengan kapal-kapal yang membuat pelayaran di perairan tempatan.

Suka saya memaklumkan bahawa bilangan pelaut-pelaut Malaysia yang bertugas dalam kapal-kapal yang membuat pelayaran-pelayaran tempatan adalah diawasi oleh

Lembaga Pelesenan Perkapalan dalam negeri yang boleh mengenakan syarat-syarat bagi tujuan tersebut. Usaha-usaha adalah diperbuat untuk menambahkan bilangan pelaut-pelaut Malaysia di dalam kapal-kapal yang mengambil bahagian di dalam perdagangan dalam negeri.

Pada masa sekarang pelaut-pelaut yang bertugas dalam kapal-kapal yang belayar di antara pelabuhan-pelabuhan di Malaysia tidak mendapat pengecualian cukai sedangkan pelaut-pelaut yang bertugas di kapal-kapal antarabangsa pula diberi pengecualian. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Persatuan Pemilik Kapal Tempatan sebagai satu masalah yang dihadapi oleh industri perkapalan tempatan. Dengan adanya pengecualian cukai yang diumumkan dalam Belanjawan itu adalah dipercayai bahawa masalah ini akan dapat diatasi kelak.

Matlamat bagi mengadakan lebih ramai pelaut-pelaut Malaysia di kapal-kapal Malaysia memang menjadi hasrat Kementerian saya. Beberapa langkah sedang ditimbang bagi mencapai matlamat tersebut dan ianya akan diumumkan apabila selesai kelak. Lembaga Perkapalan Dalam Negeri juga akan mengawasi perkembangan ini, iaitu menentukan lebih ramai pelaut-pelaut tempatan bekerja di atas kapal-kapal Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, di sini ingin saya membetulkan kenyataan yang telah diperbuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapit. Sebenarnya galakan-galakan perkapalan yang telah diumumkan adalah untuk semua Syarikat Perkapalan di Malaysia dan bukan untuk syarikat-syarikat yang melibatkan diri di peringkat antarabangsa sahaja.

Mengenai masalah ship financing ianya memanglah dialami oleh industri ini memandangkan kepada kekurangan kepakaran di bidang per-

kapalan di bank-bank dan institusi institusi kewangan tempatan. Masalah ini wujud bukan sahaja di sini malah di semua negara rantau ini. Walau bagaimanapun, beberapa bank di kawasan ini telah mula memberi pinjaman bagi industri perkapalan dan adalah dipercayai dengan bertambahnya pakar-pakar dalam bidang ini di bank-bank tempatan, lebih banyak lagi pinjaman-pinjaman dapat diberikan kepada industri tersebut. Kementerian saya juga sedang berusaha untuk mencapai matlamat ini.

Merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas bagi mengadakan kerjasama perkapalan di peringkat negara-negara ASEAN, untuk makluman Ahli Yang Berhormat suka saya menegaskan di sini bahawa negara-negara ASEAN, melalui Jawatankuasa ASEAN mengenai pengangkutan dan perhubungan (COTAC), telah pun bersetuju untuk mengadakan satu kajian kemungkinan untuk menentukan viability projek perkhidmatan liner ASEAN. Kajian tersebut akan dijalankan sebaik sahaja peruntukan kewangan diperolehi sekiranya kajian tersebut mempunyai cadangan-cadangan yang positif, negara-negara ASEAN akan mengambil tindakan lanjut yang wajar ke atasnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyebut tentang pengswastaan "containerisation" di Pelabuhan Klang. Beberapa cadangan pengswastaan telah diterima oleh Lembaga Pelabuhan Klang bagi menjalankan beberapa perkhidmatan di pelabuhan yang berkenaan. Cadangan-cadangan yang telah diterima itu sedang dikaji oleh Lembaga Pelabuhan Klang. Cadangan-cadangan yang telah siap dikaji akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Pelabuhan Klang dan Kerajaan bagi keputusan selanjutnya.

Satu keputusan bagi menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan akan dibuat dengan mengambil kira kedudukan pekerja-pekerja di pelabuhan-pelabuhan, kecekapan operasi pelabuhan dan lain-lain implikasi mengenainya. Walau bagaimanapun, sehingga kini belum ada apa-apa keputusan muktamad yang diperbuat terhadap cadangan-cadangan penswastaaan yang dikemukakan itu.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Betong dan Kapit telah menyentuh mengenai kepentingan mengadakan sebuah lapangan terbang baru di Bintulu. Berhubung dengan ini, ingin sekali lagi saya menegaskan bahawa Kerajaan sememangnya mempunyai rancangan untuk mengadakan sebuah lapangan terbang baru di Bintulu bagi menggantikan lapangan terbang yang sedia ada. Lapangan terbang baru ini akan dapat mengendalikan operasi pesawat-pesawat jenis jet bagi menampung keperluan trafik udara bagi Bandar Bintulu. Keputusan Kerajaan untuk membina sebuah lapangan terbang baru ialah kerana lapangan terbang yang sedia ada tidak dapat diperbesarkan lagi akibat kawasan sekelilingnya yang tidak sesuai.

Ingin saya memaklumkan bahawa rancangan asal Kerajaan ialah untuk melaksanakan projek lapangan terbang baru Bintulu ini serentak dengan projek Pelabuhan Bintulu. Walau bagaimanapun, projek ini telah tidak dijalankan mengikut jadual asalnya disebabkan oleh masalah penetapan tapak yang sesuai bagi lapangan terbang baru tersebut. Pada ketika ini pembangunan lapangan terbang baru di Bintulu masih diteruskan. Juruperunding-juruperunding yang berkenaan sedang membuat kerja penyelidikan tanah dan pengukuran topographi untuk memastikan bahawa tapak yang

dipilih, iaitu tapak 4A adalah sesuai ataupun sebaliknya. Sebaik sahaja kerja-kerja penyelidikan tanah ini selesai dan tapak tersebut disahkan sesuai, juruperunding-juruperunding berkenaan akan menyediakan Pelan Induk dan Rekabentuk Awal yang dirancang akan bermula pada awal tahun 1984 dan dijadual siap pada awal tahun 1985. Peringkat pembinaan projek ini akan dilaksanakan apabila Pelan Induk dan Rekabentuk Awal siap kelak. Jadual pelaksanaan kerja-kerja pembinaan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan negara pada masa itu.

Mengenai perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Kerajaan sedar tentang masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan pengangkutan daging-daging yang disembelih untuk dibawa dan dijual di kawasan-kawasan pedalaman, khususnya perkhidmatan yang dibatalkan atas sebab-sebab tertentu telah menimbulkan masalah. Sungguhpun demikian, perkhidmatan luar bandar MAS di Sabah dan di Sarawak dikendalikan di atas beberapa "constraint" yang tidak dapat dielakkan, umpamanya, cuaca yang buruk akan membahayakan penumpang-penumpang, manakala ketiadaan penumpang akan mendatangkan kerugian yang amat besar kepada MAS untuk mengangkut kargo semata-mata.

Dari segi perkhidmatan MAS, ingin saya memaklumkan bahawa buat masa ini MAS mempunyai sebanyak 6 penerbangan Fokker seminggu di antara Kuching dengan Bintulu. Secara purata, adalah didapati bahawa daya muatan pengangkutan (load factor) telah menurun daripada 70% pada awal tahun ini kepada 66% sekarang. Dengan ini adalah jelas bahawa bilangan perkhidmatan adalah mencukupi dan dapat menampung trafik yang ada.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah menyentuh rancangan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu. Ingin saya memaklumkan bahawa buat masa ini Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu adalah mencukupi untuk menampung trafik udara yang ada dengan menggunakan pesawat jenis jet Boeing 737, bagaimanapun usaha pengambilan tanah bagi projek pembesaran lapangan terbang ini sedang diteruskan. Dengan demikian, apabila didapati perlu kelak dari segi trafik, rancangan pembesaran lapangan terbang ini akan dilaksanakan.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap penjelasan-penjelasan ini telah memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah membangkitkan perkara-perkara yang melibatkan Kementerian saya. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka dan ingin saya memberi jaminan bahawa perkara-perkara yang tidak saya jelaskan adalah di dalam perhatian Kementerian dan di mana perlu, akan dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Saya menjemput Kementerian Perusahaan Utama.

5.55 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menjawab serta memberi ulasan Kementerian saya mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan dasar Rang Undang-undang Perbekalan 1984.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah menyatakan kekhuatiran beliau mengenai masalah kekurangan tenaga buruh di sektor getah. Berhubung dengan perkara ini suka saya

memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya melalui agensi-agensi di bawahnya sentiasa menjalan dan menitikberatkan penyelidikan-penyelidikan teknologi baru ke arah menjimatkan tenaga buruh. Dalam kaitan ini saya mengambil kesempatan untuk memaklumkan bahawa sebagai langkah permulaan, satu pisau torehan berpesawat telah dicipta, sebagaimana ramai yang telah diketahui. Ciptaan ini telah diperkenalkan kepada pihak-pihak yang berkenaan di sektor pekebun kecil dan estet serta juga wakil-wakil agensi Kerajaan untuk diuji secara praktik sebenarnya.

Seterusnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Betong, Sarawak, pisau torehan berpesawat yang baru dicipta ini akan juga diperkenalkan ke Sarawak tidak lama lagi, insya Allah. Sementara itu pihak RRIM (Institut Penyelidikan Getah Malaysia) akan terus menguji pisau ini untuk diperbaiki. Di samping itu kajian-kajian untuk memperbaiki sistem torehan dan pungutan getah berdasarkan teknologi baru akan diteruskan. Penyelidikan-penyelidikan di atas, dijangka akan dapat memberi sumbangan kepada penyelesaian masalah kekurangan tenaga buruh di sektor getah di negara kita.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Julau telah menyentuh tentang kejatuhan harga antarabangsa bagi getah yang telah membawa kesan buruk kepada rakyat. Berhubung dengan perkara ini suka saya menjelaskan bahawa kejatuhan harga getah adalah akibat daripada kekurangan permintaan bagi barangan tersebut dari negara-negara pengguna utama berikutan daripada kemelesetan ekonomi dunia yang berlarutan baru-baru ini. Harga getah RSS 1 telah jatuh sebanyak 22%, daripada 257.82 sen sekilo pada tahun 1981 kepada 201.13 sen sekilo pada tahun 1982. Walau bagaimanapun,

harga getah RSS I telah pun beransur baik dan mencapai paras 266 sen sekilo pada bulan Ogos 1983 dan menetap pada 256 sen sekilo pada bulan Oktober 1983. Sekiranya pemulihan ekonomi dunia berterusan dan permintaan akan pulih, harga getah dijangka akan bertambah baik pada masa hadapan.

Tuan Yang Dipertua, bagi menahan kejatuhan harga getah, pihak Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO), di mana Malaysia menjadi ahlinya, telah membeli dari pasaran sebanyak lebih kurang anggaran 270,000 tan metrik getah asli untuk operasi stok penimbalnya, mulai daripada Oktober, 1981. Seiring dengan ini juga, sektor industri negara-negara pengeluar getah asli (ANRPC) telah menahan sejumlah bekalan getah daripada memasuki pasaran. Di samping itu, pihak Kerajaan juga telah menggalakkan pembelian oleh MARDEC dan RISDA bagi menentukan supaya pekebun-pekebun kecil dapat memasarkan getah mereka pada harga yang berpatutan.

Tuan Yang Dipertua, ramai Ahli Dewan menyentuh soal kemerosotan harga lada hitam. Sehubungan dengan ini, suka saya menjelaskan di sini bahawa kemerosotan harga bahan tersebut adalah disebabkan oleh bekalan bahan tersebut yang berlebihan berbanding dengan permintaan di pasaran dunia walaupun ada tanda-tanda jelas menunjukkan bahawa di akhir-akhir ini harga lada bertambah baik. Harga lada hitam telah merosot ke paras yang merunsingkan dari tahun 1978 hingga tahun 1982. Oleh itu bagi mengatasi masalah ini, yang pada amnya dihadapi oleh semua negara-negara pengeluar lada hitam, maka pihak Kerajaan dengan kerjasama negara-negara ahli International Pepper Community (Pertubuhan Persatuan Pengeluar-pengeluar Lada Sula

Antarabangsa) yang lain, telah melaksanakan skim Harga Eksport Minima bagi gred ASTA (American Spice Trade Association). Skim ini telah dilaksanakan mulai 8 Ogos yang lepas, dengan tujuan untuk menstabilkan harga lada hitam di pasaran antarabangsa serta untuk mendapatkan harga pasaran yang berpatutan. Selain daripada itu pihak Kerajaan juga telah melaksanakan usaha-usaha galakan pasaran. Beberapa misi telah dihantar keluar negeri oleh Pepper Marketing Board dan juga FAMA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Lambir dan Julau, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi harga lada hitam di pasaran antarabangsa telah pun mulai pulih sedikit mulai awal Oktober 1983 ini.

Tuan Yang Dipertua, mengenai saranan Yang Berhormat dari Lambir supaya subsidi lada hitam ditambah, adalah dimaklumkan bahawa perkara-perkara mengenai subsidi dan bantuan-bantuan seumpama ini sedang dan sentiasa berada dalam kajian Kerajaan.

Mengenai perusahaan kelapa sawit yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, Yang Berhormat dari Kinta dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat lain, suka saya menerangkan di sini bahawa seperti juga sektor getah, kajian-kajian penyelidikan dan pembangunan sektor kelapa sawit sedang berjalan dengan giat. Penyelidikan dan penggunaan "weevil" iaitu sejenis serangga untuk pendebungaan telah menunjukkan hasil yang menggalakkan. Di samping itu kajian-kajian untuk menggunakan mesin dan mencari "clone" yang lebih baik sedang diusahakan.

Pendek kata, Kementerian saya di samping berusaha untuk mencari pasaran-pasaran bagi bahan-bahan mentah negara dan berusaha untuk mendapatkan harga-harga yang

lumayan, juga sentiasa meneruskan penyelidikan untuk memperbaiki hasil dan mutu pengeluaran bahan-bahan tersebut. Di samping itu Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) akan terus menjalankan kerja-kerja pengembangan bersama dengan Kementerian Pertanian untuk membantu pekebun-pekebun kecil kelapa sawit, dan PORLA pula telah mengeluarkan satu risalah istimewa bertajuk "Risalah Sawit" yang mengandungi maklumat tertentu kepada pekebun-pekebun kecil. Risalah ini dikeluarkan dalam tiga bulan sekali.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan cadang Ahli Yang Berhormat daripada Batang Padang supaya Kerajaan berusaha mendapatkan kuota eksport yang lebih tinggi ke atas timah daripada ITC (International Tin Council), sukalah saya terangkan di sini bahawa kawalan eksport timah adakah dikenakan ke atas semua negara-negara pengeluar bijih timah ataupun anggota Majlis tersebut. Kadar kawalan eksport dikenakan adalah bergantung ke atas keadaan pasaran timah buat masa ini mengalami kelebihan bekalan di antara 85,000 hingga 90,000 tan. Di dalam menentukan kuota eksport bagi sesebuah negara pengeluar, ITC menggunakan beberapa nilai tara dan ini termasuk jumlah pengeluaran sesebuah negara itu sendiri. Oleh yang demikian kawalan eksport yang dikenakan ke atas semua negara pengeluar yang menjadi ahli ITC adalah dikenakan secara adil dan rata. Berdasarkan hakikat tersebut maka pihak Kerajaan tidaklah boleh memohon untuk mendapatkan kuota eksport yang lebih tinggi daripada apa yang ditetapkan oleh kerana ini akan menimbulkan kesulitan kepada lain-lain negara anggota yang juga turut sama mengalami keperitan dan kesulitan akibat kawalan eksport atas bahan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan turut mengambil berat ke atas kesulitan yang dialami oleh para pekerja lombong di dalam tempoh kawalan eksport ini semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka pada 18hb Oktober, 1983 saya telah pun menjelaskan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk membantu mengurangkan beban masalah yang dialami oleh para pekerja lombong yang terlibat.

Tuan Yang Dipertua, mengenai cadangan Yang Berhormat supaya Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Negeri Sarawak membuka tanah di Sarawak untuk ditanam dengan koko, kelapa sawit dan getah, saya rasa ini adalah suatu cadangan yang baik dan sungguh menggalakkan. Walau bagaimanapun sebelum mengambil sebarang usaha untuk memperluaskan tanaman, bahan-bahan tersebut, bekalan dunia serta perkembangan-perkembangan antarabangsa yang berlaku pada industri barangan tersebut perlu juga diambil kira. Ini adalah bagi memastikan supaya kita tidak mengeluarkan bahan tersebut dengan berlebihan yang seterusnya akan memberi kesan yang buruk terhadap harga barangan tersebut. Walau bagaimanapun ini bukanlah bermakna kita tidak menggalakkan, kita sebenarnya berusaha untuk menggalakkan tiap-tiap negeri untuk melibatkan diri dengan cergas dalam menentukan supaya pembangunan bahan-bahan pertanian yang disebutkan itu akan terus berjalan licin dan lancar dan kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak amatlah diperlukan dalam perkara ini.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat dari Parit Buntar telah mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan industri berasaskan

bahan-bahan mentah seperti getah, kelapa sawit dan koko. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan dan untuk menggalakkan penubuhan industri-industri berasaskan barangan utama di negara kita. Ini adalah bertujuan untuk menambahkan lagi nilai tokok (value added) bagi bahan-bahan tersebut, menambah peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat dan meningkatkan lagi pendapatan eksport negara. Di samping itu, Kerajaan telah mengadakan berbagai insentif ataupun galakan untuk mendorong pengusaha-pengusaha menubuhkan industri-industri tersebut. Bagi getah, Malaysia merupakan pengeksport utama barangan yang diperbuat daripada getah seperti sarung tangan getah dan lain-lain. Industri-industri tempatan telah menggunakan sebanyak lebih kurang 70,000 tan getah masa ini untuk mengeluarkan barang-barang industri seperti tayar, keluaran-keluaran kejuruteraan dan barang-barang pengguna seperti paip getah, "soles", "mats", tilam dan lain-lain lagi. Adalah menjadi matlamat Kerajaan supaya penggunaan getah dalam negeri dan negara akan ditingkatkan kepada paras 300,000 tan metrik menjelang tahun 1990.

Bagi kelapa sawit pula, ingin saya nyatakan bahawa pemerosesan minyak kelapa sawit telah mencapai kejayaan cemerlang di mana pada masa kini kira-kira 97% daripada pengeluaran minyak kelapa sawit mentah yang dihasilkan oleh negara kita ini digunakan oleh industri tempatan untuk pemerosesan yang lebih lanjut lagi. Sekarang ini terdapat sebanyak 234 kilang memproses buah kelapa sawit yang mempunyai keupayaan sebanyak 6,526 tan buah tandan segar sejam. Sementara kilang-kilang penapis yang telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meningkat kepada

68 buah yang mempunyai keupayaan menapis kira-kira 4.4 juta tan minyak kelapa sawit setahun.

Bagi koko pula, sebanyak 12 kilang telah pun diluluskan oleh MIDA untuk memproses koko kepada barang-barang keluarannya seperti tepung koko, mentega koko dan cokelat. Barang-barang keluaran ini sebahagian besarnya dieksport dan ianya akan merupakan barang eksport yang penting pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Betong, Sarawak mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan industri berasaskan kayu getah untuk membuat perabot di Sarawak. Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan sendiri industri atau kilang berasaskan kayu getah untuk membuat perabot. Akan tetapi sekarang ini Kerajaan memberi segala galakan kepada industri berasaskan kayu getah supaya meningkatkan penggunaan kayu yang speciesnya kurang terkenal, termasuk kayu getah dan sebagainya. Malahan sekarang ini pun sudah terdapat beberapa buah kilang yang menggunakan kayu getah untuk mengeluarkan kayu gergaji, kayu kumai dan juga perabot.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan melalui Institut Penyelidikan Perhutanan mempunyai kemudahan-kemudahan penyelidikan yang juga meliputi penyelidikan ke atas kayu getah, terutamanya dari segi kaedah memproses untuk menjamin kualiti. Pihak industri yang berminat untuk mendirikan kilang-kilang perabot dari kayu getah di Sarawak boleh meminta nasihat teknik dari Institut Penyelidikan Perhutanan supaya dapat menjamin kualiti perabot yang dikeluarkan.

Tuan Yang Dipertua, terdapat lagi beberapa perkara lain yang telah disentuh dalam perbahasan Dasar

mengenai Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1984 pada beberapa hari yang lalu, yang tidak sempat saya huraikan di sini pada hari ini.

Walau bagaimanapun, perkara-perkara tersebut sememangnya telah ada dalam catatan Kementerian saya. Insya Allah, perkara-perkara tersebut akan dikaji dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian saya.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi bercakap menyentuh mengenai Kementerian saya dalam perbincangan ini.

Tuan Yang Dipertua: Kementerian Pertanian.

6.12 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, dalam perbincangan bekalan belanjawan tahun 1984 yang baharu berlalu, ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan teguran-teguran dan cadangan-cadangan mengenai berbagai aspek dasar pertanian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian.

Saya ingin merakamkan penghargaan di atas segala teguran dan cadangan yang bernas yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan kerana teguran-teguran dan pandangan-pandangan tersebut akan membolehkan Kementerian saya melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang Dipertua, di dalam persidangan hari ini, saya tidak bercadang untuk memberi jawapan satu persatu kepada soalan, teguran atau cadangan yang dikemukakan oleh tiap-tiap Ahli Yang Berhormat

sekalian. Tetapi saya akan menggulung persidangan ini dengan memberi penerangan merangkumi pelaksanaan program-program dan projek-projek yang berasaskan kepada dasar dan matlamat Kementerian saya yang ada kaitannya dengan berbagai persoalan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ini tidaklah bermakna bahawa saya cuba membuat dalihan atau tidak mengindahkan teguran dan cadangan yang disentuh. Malahan Kementerian saya sentiasa sensitif terhadap apa juga teguran dan cadangan yang bertujuan untuk membaiki lagi prestasi pelaksanaan program dan projek untuk kebaikan masyarakat petani dan nelayan.

Seimbangkan, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, sebilangan besar daripada penduduk negara kita adalah terdiri dari petani dan kaum nelayan yang mempunyai pendapatan di bawah paras kemiskinan. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pertanian supaya mereka dapat berganding bahu dengan sektor-sektor lain serta mempunyai sikap yang rajin dan lebih tekun mengusahakan aktiviti pertanian dan perikanan melalui penggunaan teknologi dan perusahaan moden yang boleh menghasilkan pendapatan melintasi kadar kemiskinan.

Kementerian saya ingin supaya petani dan nelayan seboleh-bolehnya berdikari menggunakan kemudahan-kemudahan kredit pertanian dan perikanan dengan pergantungan yang minima kepada subsidi dari Kerajaan.

Saya percaya melalui kemudahan-kemudahan pasaran, teknik-teknik, teknologi dan pengurusan moden, kemudahan kredit dan peluang pasaran yang baik akan membolehkan para petani dan nelayan kita maju setanding dengan para petani dan nelayan negara maju.

Langkah-langkah dan strategi yang telah dan sedang diambil ke arah itu termasuklah:

- (a) Amalan pertanian berkelompok seperti dalam program pemulihan tanah terbiar.
- (b) Penggunaan kejenteraan perladangan yang lebih luas di kawasan-kawasan yang bersesuaian bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh.
- (c) Mempertingkatkan latihan kepada para petani sistem perkembangan latihan dan lawatan atau 2L. Penglibatan petani melalui Unit Kecil Peladang dan juga Kumpulan Kecil Nelayan atau (KUKENAL).
- (d) Perancangan pembangunan program dan projek pertanian pembangunan kawasan yang teratur bersesuaian dengan keperluan yang disuarakan oleh para petani dan para nelayan.
- (e) Memperluaskan kemudahan kredit pertanian dan perikanan di dalam usaha membentuk para petani mengubah sikap untuk berdikari.
- (f) Memperbaiki peluang pemasaran melalui strategi koperatif yang akan dilaksanakan oleh FAMA.

Langkah dan strategi yang disebutkan tadi sentiasa dikaji semula bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada dan menggubal strategi serta pendekatan baru untuk menambahkan prestasi dan kesan program-program dan projek-projek Kementerian Pertanian.

Kementerian saya akan terus melaksanakan berbagai program dan projek termasuklah projek-projek pertanian bersepadu yang akan meningkatkan daya pengeluaran

bahan makanan untuk kegunaan dalam negeri dan dieksport di samping terlibat sama menggalakkan pembiakan kepada tanaman-tanaman eksport tradisional seperti getah, kelapa sawit, koko dan lada hitam.

Di dalam usaha Kementerian ini untuk menentukan bekalan beras negara secukupnya, projek-projek seperti pembangunan Rompin-Endau dan Seberang Perak sedang aktif dilaksanakan, di samping terus memulihkan tanah-tanah sawah yang terbiar di negara ini. Sehingga penghujung tahun ini hampir 8,000 hektar tanah sawah telah pun dipulihkan, dan antaranya telah ditanam dengan tanaman padi kali ketiga.

Mengenai gesaan supaya pengeluaran padi di Kedah dipertingkatkan, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian telah pun melaksanakan projek MADA II yang memperbaiki sistem parit dan taliair di MADA dan dengan terlaksananya sistem perparitan yang lebih sempurna akan meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan sama ada Kementerian mempunyai punca pendapatan alternatif semasa program mengeringkan sawah, sukacita dinyatakan bahawa setakat ini, Kementerian saya pada dasarnya tidaklah mempunyai alternatif kerana kerja-kerja pengeringan sawah adalah merupakan aktiviti sementara sahaja. Walau bagaimanapun, para petani adalah digalakkan menanam tanaman-tanaman kontan mengikut kesesuaian tanah untuk keperluan sendiri.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai pelaksanaan Dasar Pertanian Negara dan mengenai usaha-usaha Kementerian untuk membasmi kemiskinan di kalangan petani dan

nelayan. Adalah dimaklumkan bahawa Dasar Pertanian Negara yang diamalkan sekarang bertujuan untuk menambahkan pendapatan dan daya pengeluaran menerusi peningkatan hasil pengeluaran dengan penggunaan teknologi dan amalan pengurusan moden, mengeluarkan bahan-bahan makanan yang strategik secukupnya untuk keperluan negara dan mempelbagaikan jenis tanaman dan kegiatan perusahaan pertanian serta perikanan menepati peluang-peluang pasaran dan eksport. Pelaksanaan Dasar ini akan memperbaiki taraf hidup petani dan nelayan ke arah membasmi kemiskinan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum di dalam Belanjawan Dasar tahun 1984, semua sektor pembangunan ekonomi mempunyai peruntukan yang kurang dibandingkan dengan peruntukan tahun 1983. Kementerian Pertanian akan merancang projek-projek dan program-program dengan teliti supaya peruntukan yang diberikan dapat memberi faedah yang maksima ke arah usaha membasmi kemiskinan di kalangan petani dan nelayan.

Di samping memastikan bahawa program dan projek dirancang dengan telitinya Kementerian juga sedar tentang pentingnya aspek-aspek penyelenggaraan dan pengendalian projek-projek pertanian dititikberatkan bagi menentukan penghasilan pertanian dapat dikekalkan.

Selaras dengan pemesatan kemudahan-kemudahan parit dan taliair yang dilaksanakan melalui projek-projek pembangunan pertanian yang disatukan, Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat supaya keupayaan, sama ada kewangan mahupun teknikal disediakan bagi maksud menjalankan aktiviti penyelenggaraan dan pengendalian dengan sempurna.

Mengenai masalah kekurangan air di beberapa rancangan taliair di Parit, Kementerian akan mengatasi masalah ini dengan pelaksanaan beberapa projek taliair di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk menambah bekalan air secara mengepam air dari Sungai Perak. Antara rancangan-rancangan yang sedang dalam pelaksanaan adalah:

- (a) Pembinaan Rumah Pam yang baru di Kampung Tengah, Parit bagi maksud kawasan pengairan Parit yang meliputi kawasan seluar 100 hektar tanah bendang;
- (b) Penggantian pam dan motor di Rumah Pam Pendiati telah pun siap dibina bagi maksud mengairkan kawasan seluas 750 hektar di kawasan pengairan Bota/Lambor. Tambahan rumah pam di Teluk Bakong sedang dalam binaan untuk kawasan tambahan seluas 400 hektar.
- (c) Injin-injin di Rumah Pam Senin sedang diganti bagi maksud bekalan air kepada kawasan pengairan Senin yang meliputi seluas 135 hektar.

Mengenai galakan kepada petani-petani untuk menanam buah-buahan bermutu tinggi dalam usaha meningkatkan pendapatan petani dan hasil pertanian berikutan dari pemansuhan cukai eksport ke atas buah-buahan tempatan, Kerajaan telah melaksanakan program baikpulih dusun. Program tersebut telah pun berjaya mendorong petani menanam jenis buah-buahan yang bermutu tinggi dan meningkatkan jumlah keluasan dusun.

Umpamanya keluasan mangga telah bertambah dari 900 hektar pada tahun 1970 kepada 4,905 hektar pada tahun

1982 dan hampir dua kali ganda dari 8,500 hektar pada tahun 1980 kepada 13,639 hektar pada tahun 1982 bagi durian.

Buat masa ini Kementerian Pertanian memperhebatkan lagi program baikpulih dusun melalui aktiviti-aktiviti pengesanan dan penilaian dalam usaha meningkatkan lagi amalan kultrakebunan dan terbaharu berusaha menggalakkan lebih ramai petani mengusahakan dusun secara commercial melalui konsep mini-estet dengan memperluaskan dusun, pengalaman kultrakebunan dan pengurusan ladang yang lebih sempurna.

Di samping itu, Kementerian Pertanian telah juga menggubal satu pelan operasi di mana 15 jenis buah-

buah telah dipilih untuk dibangunkan di zon yang sesuai berdasarkan kesesuaian tanah dan berasaskan jenis yang popular di pasaran dan mengeluarkan hasil sepanjang tahun. Klon berbuah-buahan tersebut yang telah disyorkan termasuklah beberapa jenis pisang, nenas, betik, tembikai, durian, rambutan, mangga, limau, nangka, cempedak, ciku dan belimbing segi.

Tuan Yang Dipertua.....

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.